


**Jilid II  
Bil. 4**



**Hari Khamis  
12hb April, 1984**

**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN NEGARA**  
*SENATE*

**PARLIMEN KEENAM**  
*Sixth Parliament*

**PENGGAL KEDUA**  
*Second Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
**[Ruangan 423]**

**USUL:**

**Ucapan Terima Kasih kepada Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-  
Pertuan Agong [Ruangan 459]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1982 dan 1983) [Ruangan 520]**

MALAYSIA

**PARLIMEN KEENAM – DEWAN NEGARA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KEDUA**

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI ISMAIL KHAN, P.S.M., P.N.B.S., B.K.T., P.P.T. (Dilantik)
- ” Timbalan Yang di-Pertua, DATO SULAIMAN BIN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik)
- ” Lt. Kol. (P) ABDUL HAMID BIN IBRAHIM, S.M.S., K.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- ” TUAN HAJI ABDUL JALIL BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- ” TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)
- ” TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Dilantik)
- ” TOH MUDA DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Dilantik)
- ” TUAN AHMAD BIN OTHMAN, B.M.S., A.M.K., A.M.N., P.J.K. (Kedah)
- ” ABANG HAJI AHMAD URAI BIN DATU HAKIM ABANG HAJI MOHIDEEN (Sarawak)
- ” TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik)
- ” TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik)
- ” TUAN BASHARON BIN HANAPIAH (Dilantik)
- ” DATO CHIN KIM YOONG, D.P.C.M., A.M.P., P.P.I. (Perak)
- ” TUAN FADZIL BIN MAHMOOD, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Perlis)
- ” DATO S. GOVINDARAJ, D.P.M.S., K.M.N., P.P.N., P.P.I., J.P. (Dilantik)
- ” PUAN HAJJAH HABIBAH BINTI ABDUL GHANI, K.M.N., A.M.P., A.M.N., P.J.K. (Pahang)
- ” PUAN HAFSAH BINTI OTHMAN (Dilantik)
- ” PUAN HASNAH BINTI HAJI MOHD. KASIM @ HASNAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASIM, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Trengganu)
- ” TUAN HASSAN BIN NAM (Dilantik)
- ” TUAN IBRAHIM BIN SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)
- ” DATUK ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang)
- ” TUAN JAAFAR BIN HARUN (Dilantik)
- ” DATUK JAMES BERNARD WILLIE, P.G.D.K. (Sabah)
- ” PUAN SRI JANAKI ATHI NAHAPPAN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)
- ” TUAN R. M. JASNI, B.K. (Dilantik)

- Yang Berhormat TUAN KEE YONG WEE (Wilayah Persekutuan)
- ” TUAN KENNETH KENYAN ANAK TEMENGGONG KOH, K.M.N., J.B.S. (Sarawak)
- ” DATO KHOO KAY POR, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang)
- ” TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T., J.P. (Dilantik)
- ” TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS, P.B.S. (Dilantik)
- ” TUAN LIM KEAN SIEW (Dilantik)
- ” CIK LIM SEAN LEAN @ LIM HIANG NAI, K.M.N. (Dilantik)
- ” DATUK LOH FOOK YEN, D.S.I.J., P.P.N., P.I.S. (Dilantik)
- ” TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang)
- ” TUAN HAJI MOHAMED BIN YAHYA, P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Johor)
- ” DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik)
- ” TUAN MOHD. NOOR BIN BEDAH, P.J.K., P.J.B. (Perlis)
- ” TUAN MOHD. YUSOFF BIN KASSIM (Perak)
- ” TUAN NASIR BIN MANAP, A.M.N., P.J.K. (Melaka)
- ” PUAN NEN ABIDAH BINTI ABDULLAH, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik)
- ” TUAN NG AH POI, P.P.N., J.P. (Melaka)
- ” TUAN PARAMJIT SINGH (Dilantik)
- ” DATO G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I., I.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik)
- ” PUAN ROKIAH @ MAIMUN BINTI ZAINUDDIN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)
- ” TUAN SALLEH BIN KASSIM, A.M.J., A.M.N., P.J.K. (Trengganu)
- ” TAN SRI C. SELVARAJAH, P.S.M. (Dilantik)
- ” TUAN HAJI SHAHAROM BIN HAJI MAASOM, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)
- ” TUAN STEPHEN TIMOTHY WAN ULLOK (Dilantik)
- ” TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik)
- ” TUAN TAY CHEE KING, K.M.N., B.S.I., P.I.S., A.M.N., J.P. (Johor)
- ” TUAN D. P. VIJANDRAN (Dilantik)
- ” TUAN WONG SENG CHOW, D.K.J.B., A.M.N., J.P. (Negeri Sembilan)
- ” TAN SRI DATUK YEH PAO ISU, P.G.D.K., A.M.N. (Sabah)

## DEWAN NEGARA

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Ahmad bin Buntu

MALAYSIA

## DEWAN NEGARA

Khamis, 12hb April, 1984

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

*(Timbalan Yang di-Pertua mem-  
pengerusikan Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAANPAKISTAN - HASIL LAWATAN  
PERDANA MENTERI

1. **Tuan Paramjit Singh** minta Perdana Menteri menyatakan hasil lawatan beliau baru-baru ini ke Pakistan.

**Perdana Menteri (Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad):** Tuan Yang di-Pertua, lawatan rasmi saya ke Republik Islam Pakistan dalam bulan Mac yang lalu merupakan lawatan balas kepada lawatan rasmi T. Y. T. Presiden Zia-ul-Haq ke Malaysia pada bulan November, 1982. Semasa lawatan tersebut saya juga telah diberi penghormatan sebagai Tetamu Khas di perayaan Hari Kebangsaan Pakistan yang ke 37. Sebenarnya ini adalah suatu penghormatan kepada Malaysia. Sambutan yang diberi kepada saya dan rombongan sangatlah dibanggakan.

Saya menganggap lawatan ini sebagai amat berjaya dengan memberi isi kandungan yang lebih bermakna dan berkesan dalam usaha kita untuk mengukuhkan lagi hubungan dan kerjasama dua hala antara Malaysia dan Pakistan. Lawatan tersebut adalah juga selaras dengan salah satu daripada objektif utama dasar luar negeri Malaysia, iaitu mengeratkan lagi persaudaraan dan setiakawan di

kalangan Negara-negara Pertubuhan Islam (OIC). Lawatan itu juga merupakan satu langkah positif dalam usaha Malaysia untuk memajukan konsep kerjasama antara negara-negara sedang membangun dalam konteks "South-South Dialogue".

Tuan Yang di-Pertua, dalam perbincangan saya dengan Presiden Zia-ul-Haq, beberapa persetujuan telah dicapai untuk meningkatkan lagi kerjasama ekonomi, teknikal, pelajaran, kesihatan dan kebudayaan antara Malaysia dan Pakistan.

Di bidang perdagangan persetujuan telah dicapai untuk menambahkan lagi perdagangan dua hala serta meningkatkan perdagangan secara terus tanpa dikendalikan melalui negara ketiga. Untuk maksud ini, Pakistan dan Malaysia telah bersetuju untuk menandatangani perjanjian perdagangan dan perkapalan dengan secepat mungkin serta menambahkan perkhidmatan udara di antara kedua buah negara.

Kerajaan Pakistan telah juga memberi jaminan untuk terus mengadakan tempat-tempat belajar untuk penuntut-penuntut kita. Di samping itu pihak Pakistan juga bersedia menawarkan perkhidmatan pakar-pakar perubatan dan doktor-doktor am yang diperlukan oleh Malaysia. Presiden Zia juga membuat tawaran untuk melatih pegawai-pegawai Malaysia serta bekerjasama dengan Malaysia dalam berbagai bidang nuklear sains termasuk tenaga nuklear, perubatan dan pertanian. Persetujuan juga telah dicapai untuk menandatangani satu Protokol kepada Perjanjian kebudayaan Malaysia -

Pakistan yang ditandatangani pada tahun 1979 untuk meningkatkan lagi hubungan kebudayaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perbincangan mengenai isu-isu serantau dan antarabangsa, saya dan Presiden Zia-ul-Haq telah mencapai kata sepakat mengenai soal Kampuchea, Afghanistan, masalah Palestin, Lebanon dan perang Iran-Iraq dan ini jelas digambarkan di dalam Kenyataan Bersama Malaysia-Pakistan yang dikeluarkan di penghujung lawatan tersebut pada 26hb Mac, 1984.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Haji Mohd. bin Jaafar.

**Tuan Ibrahim bin Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 2.

#### **BUMIPUTERA IMPORT BARANGAN NEGERI CHINA**

**2. Tuan Ibrahim bin Salleh** (*di bawah S.O.23(2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berapa banyakkah bilangan peniaga-peniaga Bumiputera yang mengimport barangan dagangan dari Republik Rakyat China melalui Pemas Trading, dan apakah jenis-jenis barang dagangan yang diperbuat di Negara ini dieksport ke Negeri China oleh peniaga-peniaga Bumiputera dan berapakah nilai perdagangan.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Oo Gin Sun):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengimportan semua barang yang berasal dari Republik Rakyat China adalah tertakluk kepada perlesenan import. Melainkan jika barang-barang tersebut adalah dikenakan sekatan kuantitatif, lesen-lesen import bagi mengimport adalah dikeluarkan secara bebas kepada mana-mana syarikat yang ingin mengimport secara terus dari Negeri China. Dari permohonan yang telah diterima duka-cita dimaklumkan bahawa penyertaan syarikat-syarikat Bumiputera adalah masih kecil dan dianggarkan tidak melebihi 20 buah syarikat.

Berdasarkan kepada angka-angka eksport Malaysia ke Republik Rakyat China (RRC) pada tahun 1982, didapati bahawa hampir 92.3% daripada nilai eksport Malaysia adalah terdiri daripada bahan-bahan utama seperti getah, minyak kelapa sawit, biji koko dan kayu balak. Ini bermakna bahawa tidak sampaipun 10% daripada nilai ini disumbangkan oleh barang-barang perkilangan Malaysia. Nilai eksport bagi tiga jenis bahan utama iaitu getah, kayu balak dan minyak kelapa sawit (stearin) telah menyumbangkan kira-kira 91% daripada nilai eksport Malaysia ke RRC iaitu sebanyak \$235 juta berbanding dengan jumlah eksport keseluruhan yang bernilai \$258.2 juta.

Berkaitan dengan eksport ke atas barang-barang perkilangan Malaysia ke RRC, adalah dianggarkan bernilai \$17.5 juta bagi tahun 1982. Antara barangan perkilangan yang dieksport ke China termasuklah barang-barang makanan, synthetic fibre, aluminium foil, tekstail dan hasil-hasil perkayuan. Bagaimanapun, kita tidak mempunyai rekod tentang jumlah peniaga-peniaga Bumiputra yang mengeksport barang-barang Malaysia ke RRC.

#### **SEKOLAH BERASRAMA PENUH – PENEMPATAN MURID-MURID**

**3. Tuan Nasir bin Haji Manap** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan sedar perubahan dasar penempatan murid-murid di sekolah-sekolah berasrama penuh telah mengorbankan anak-anak yang ibu bapa mereka berpendapatan agak baik yang tinggal di bandar tidak dapat melanjutkan pelajaran mereka di sekolah-sekolah berasrama penuh; jika sedar apakah tindakan beliau akan ambil supaya tidak mengecewakan anak-anak di bandar yang cerdas dan berkelulusan baik.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Khalil Yaakob):** Tuan Yang di-Pertua, pada hakikatnya pengambilan murid-murid ke sekolah berasrama penuh sekarang ini bukanlah

suatu dasar baru, yang berubah hanya kaedah pemilihan. Dasar pengambilan telah ditetapkan oleh Kerajaan yang menegaskan bahawa keutamaan tertentu hendaklah diberikan kepada murid-murid dari luar bandar dari golongan sosio-ekonomi rendah supaya dapat diberi kemudahan pembelajaran setanding dengan sekolah-sekolah besar di bandar.

Keutamaan diberi oleh sebab pendidikan di luar bandar yang kurang menggalakkan pertumbuhan pembelajaran dan perkembangan potensi individu pelajar. Berlandaskan dasar ini telah dipersetujui 70% pengambilan ke sekolah berasrama penuh hendaklah diperuntukkan kepada murid-murid luar bandar dari golongan berpendapatan rendah dan selebihnya diperuntukkan kepada murid-murid dari bandar yang berpendapatan baik.

Perubahan kaedah pemilihan ini adalah disebabkan oleh bertambahnya bilangan pelajar yang mencapai kelulusan 5A hingga memerlukan suatu kaedah pemilihan yang lebih rapi. Murid-murid di bandar berjaya memperolehi keputusan yang lebih baik adalah hasil daripada kemudahan pembelajaran serta persekitaran pendidikan yang lebih menguntungkan berbanding daripada murid-murid di luar bandar. Murid-murid di bandar dari keluarga berpendapatan baik akan terus dapat menikmati kemudahan pelajaran yang baik sekalipun tidak terpilih ke sekolah berasrama penuh.

**Tuan Nasir bin Haji Manap:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju dengan ada yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi, berhubung dengan dasar ini keutamaan kepada murid-murid luar bandar.

Di sini saya suka menyarankan ada di antara murid-murid di dalam bandar datangnya dari luar bandar. Jika ini ternyata, apakah langkah-langkah yang perlu diambil supaya murid-murid yang berkenaan dilayan seperti murid-murid luar bandar.

**Dato' Mohamed Khalil Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga di antaranya telah menyebutkan dijadikan juga kriteria sosio-ekonomi keluarga. Sekiranya seorang murid itu walaupun belajar di sekolah bandar tetapi berlatar belakang keluarga yang berpendapatan rendah maka dia juga mempunyai beberapa keutamaan untuk dipilih ke sekolah berasrama penuh.

**Tuan Jaafar bin Harun:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan dengan dasar penempatan murid-murid ke sekolah berasrama penuh daripada sekolah-sekolah luar bandar ini, ingin saya mendapat tahu apakah garis panduan untuk menentukan sekolah di luar bandar ini, adakah sesebuah sekolah itu dikira jarak jauhnya dari pekan ibu negeri seperti Sekolah Rendah Batu Kikir, adakah termasuk dalam istilah sekolah luar bandar kerana sekolah ini jauhnya daripada pekan ibu negeri lebih kurang 30 batu.

**Dato' Mohamed Khalil Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan kriteria asas. Sekolah Gred A ialah kita katakan sekolah pemier iaitu yang berada di ibu negeri negara. Sekolah Gred B ialah sekolah di peringkat daerah, bandar-bandar yang menjadi pusat daerah. Sekolah Gred C sekolah luar bandar yang maju, kawasan yang membangun pesat dan maju. Sekolah Gred D sekolah luar bandar keadaannya agak kurang sedikit daripada kaedah C tadi dan sekolah Gred E sekolah yang betul-betul di dalam kawasan pedalaman.

Jadi, saya kurang pasti sekolah yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi oleh kerana ini merupakan sekolah khas dan dia hanya membayangkan bahawa sekolah ini adalah terlalu jauh daripada kawasan bandar. Jadi, melainkan saya sendiri dapat memastikan berapa jauh sekolah itu daripada bandar bolehlah saya sebutkan dalam kategori mana yang seharusnya sekolah itu ditempatkan.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah:** Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran tidak adakah cara pihak Kementerian bagi mengelakkan rebut-merebut anak-anak luar bandar untuk belajar di dalam bandar berhubung dengan sekolah-sekolah berasrama penuh iaitu tidak adakah Kerajaan mencadangkan supaya sekolah-sekolah berasrama penuh dilengkapi dengan guru-guru yang berijazah dan kelengkapan-kelengkapan moden dibawa ke luar bandar mendirikan sekolah-sekolah berasrama penuh ini. Oleh itu, tidaklah selalu Kementerian Pelajaran tidak dapat melayani permohonan-permohonan setiap tahun.

**Dato' Mohamed Khalil Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai latar belakang maklumat kepada Ahli Yang Berhormat, pada pemilihan yang terakhir ini kita mempunyai 6,500 murid-murid yang mendapat 5A, 17,000 yang layak mengikut kriteria-kriteria yang saya sebutkan tadi untuk ditempatkan di sekolah berasrama penuh dan tempat yang disediakan di dalam sekolah-sekolah yang ada sebanyak 25 buah dan 2 buah yang akan dibangun ialah 2,700 sahaja.

Jadi, saya hendak katakan di sini sudah tentulah dari segi persaingannya begitu hebat sekali untuk ibu bapa memasukkan anak-anak mereka ke sekolah berasrama penuh.

Walau bagaimanapun, untuk mengelakkan masalah ini memang kita selalu menyatakan sekolah-sekolah menengah biasa pun yang kita ada sama ada di bandar mahupun di kawasan luar bandar sekarang sudah pun mempunyai peralatan dan kemudahan yang lengkap dan boleh dikatakan hampir sama dengan sekolah-sekolah berasrama penuh melainkan perbezaannya di peringkat asrama. Saya juga ingin meyakinkan kepada Ahli Yang Berhormat dari segi guru-guru yang mengajar di mana-mana sekolah sama ada di sekolah berasrama penuh mahupun di sekolah menengah biasa,

dari segi latihan, dari segi ikhtisasnya adalah sama belaka kerana mereka ini adalah yang lulus daripada universiti mahupun yang keluar daripada maktab-maktab.

#### **PELABUHAN MELAKA – PRESTASI PENGGUNAAN**

**4. Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sejauh manakah kemajuan yang telah dapat dicapai bagi meningkatkan prestasi penggunaan Pelabuhan Melaka semenjak pentadbiran pelabuhan itu diambil alih oleh Lembaga Pelabuhan Kelang mulai awal tahun 1983 yang lalu.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Pelabuhan Kelang telah mengambil alih pentadbiran Jeti Tanjong Beruas dan Pelabuhan Melaka pada 15hb Julai, 1983. Pengambilan alih ini dibuat bagi meningkatkan mutu perkhidmatan dan prestasi pelabuhan dengan menggunakan pengalaman pentadbiran Pelabuhan Kelang.

Semenjak pengambilan alih Pelabuhan Melaka oleh Pelabuhan Kelang beberapa kemajuan telah dapat dicapai bagi meningkatkan prestasi penggunaan Pelabuhan Melaka itu. Jumlah pengendalian kargo dan bilangan kapal keluar masuk di Pelabuhan Melaka telah meningkat dengan pesatnya. Pengendalian kargo telah bertambah dari 224,192 tan pada 6 bulan terakhir tahun 1982 kepada 281,771 tan pada 6 bulan terakhir tahun 1983 iaitu merupakan pertambahan sebanyak 25.7%.

Jumlah kapal keluar masuk di pelabuhan tersebut telah bertambah dari 111 buah kepada 131 buah dalam tempoh masa yang sama. Pertambahan ini merupakan pertambahan sebanyak 18%.

Dalam meningkatkan prestasi penggunaan Pelabuhan Melaka, beberapa perkhidmatan telah dilesenkan untuk

dikendalikan oleh pihak swasta. Perkhidmatan-perkhidmatan itu termasuklah pengendalian gudang-gudang pembekalan tenaga buruh, perkhidmatan tongkang, kawalan keselamatan kapal dan kargo-kargo. Pihak pelabuhan hanya mengendalikan operasi di dermaga termasuk perkhidmatan permaliman, kebersihan, kerja-kerja pembaikan dan korek-mengorek di perairan. Urusan operasi pelabuhan juga telah dapat berkembang dan berjalan dengan lebih teratur dan cekap.

**Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman:** Soalan tambahan. Mendengar jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, saya sangat berpuas hati dan mengucapkan berbañyak terima kasih. Tetapi satu pandangan yang saya hendak maklumkan iaitu berhubung dengan kemudahan kapal berlabuh di Kuala Sungai Melaka itu dan sepanjang masa yang saya tahu Kuala Sungai Melaka ini mendapan-mendapan sungai yang bertahun-tahun lamanya, walaupun ada cuba-cubaan ataupun kerja-kerja mengorek semula, tetapi tidaklah menggunakan alatan yang moden ataupun alatan yang sesuai dengan keadaan hari ini, cuma menggunakan alat kecil sahaja, jadi kemudahan pelabuhan yang ada pada hari ini, kapal berlabuh lebih kurang satu batu daripada pantai Melaka. Adakah usaha untuk mengorek ataupun mengangkut mendapan-mendapan di Kuala Sungai Melaka itu untuk memudahkan kapal berlabuh lebih rapat lagi ke tepi pantai.

**Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian saya juga Lembaga Pelabuhan Kelang sedang meneliti perkembangan serta kemajuan Pelabuhan Melaka ini dan jika didapati bahawa perkembangannya memerlukan kemudahan-kemudahan termasuklah untuk mengorek sungai yang sudah tohor pada masa ini. Ini akan diberi pertimbangan yang teliti.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Nasir tidak mahu soal?

**Tuan Nasir bin Haji Manap:** Tidak.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Ishak bin Abdul Rahman.

**Tuan Jaafar bin Harun:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan ke 5.

#### **BAKAL HAJI KE MEKAH – URUSAN PERSEORANGAN**

**5. Tuan Jaafar bin Harun** (*di bawah S.O. 23(2)*) minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar masih terdapat orang perseorangan dari Pulau Pinang sedang mengumpul bakal-bakal haji untuk menunaikan fardhu haji tahun ini dengan tidak menerusi Tabung Haji, jika ya, apakah tindakan yang sedang dan akan diambil.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Puan Shariffah Dora binti Syed Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar adanya orang perseorangan dari Pulau Pinang yang sedang mengaturkan bakal-bakal haji menunaikan fardhu haji tahun ini dengan tidak menerusi Tabung Haji dan pihak Tabung Haji telah pun melaporkan kes ini kepada pihak Polis pada 1.12.1983 yang lalu.

**Tuan Jaafar bin Harun:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan dengan soal ini suka saya mendapat penjelasan, dengan adanya orang perseorangan yang menunaikan fardhu haji tidak melalui Tabung Haji kita ini, adakah oleh sebab perbelanjaannya barangkali murah atau layanan baik daripada Tabung Haji?

**Puan Shariffah Dora binti Syed Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, pendapat ini adalah tidak tepat bahkan layanan daripada Tabung Haji adalah lebih sempurna dan lebih bertanggungjawab.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Alexander Lee.

**Tuan Kee Yong Wee:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan yang ke 6.

**KUALA LUMPUR COMMODITIES  
CLEARING HOUSE/KUALA  
LUMPUR COMMODITIES  
EXCHANGE - SIASATAN**

**6. Tuan Kee Yong Wee** (*di bawah S.O. (23)*) minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah bidang kuasa panel yang dilantik oleh Kementerian untuk menyiasat di dalam masalah Kuala Lumpur Commodities Clearing House/Kuala Lumpur Commodities Exchange dan sama ada mereka mempunyai kuasa untuk menyiasat buku dan dokumen daripada broker-broker tersebut dan bilakah panel ini akan menyediakan laporan mereka.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Bujang bin Haji Ulis):** Tuan Yang di-Pertua, bidang kuasa tribunal yang dilantik oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama untuk menyiasat tuduhan salah laku terhadap KLCE and KLCCH ialah:

- (i) Menjalankan perbicaraan terhadap sesuatu pernyataan ataupun aduan salah laku terhadap KLCE, Lembaga Pengurusnya dan KLCCH.
- (ii) Menjalankan perbicaraan mengikut lunas-lunas perundangan yang ada bagi mewujudkan kepercayaan orang ramai dan peniaga-peniaga tempatan serta luar negeri terhadap dagangan hadapan komoditi di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, tribunal tersebut mempunyai kuasa untuk menghendaki nama-nama orang supaya hadir dan memberi keterangan di hadapannya dan supaya mengemukakan semua buku akaun, rekod dan dokumen dalam simpanan orang itu atau di bawah kawalannya berhubung dalam hal tersebut. Tribunal tersebut akan mengemukakan laporannya sebaik sahaja pandangan bagi kes yang berkenaan selesai.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan

tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan Timbalan Menteri, oleh kerana bidang perniagaan komoditi ini sudah lama wujud di negara kita ini, saya hairan kenapa selepas kejadian ini baru ada tribunal ditubuhkan untuk berkuasa terhadap pelaku-pelaku yang menyeleweng dan mempermainkan KLCE kita ini. Apakah sebelum ini tidak ada suatu kuasa atau badan berkuasa untuk mencegah perbuatan-perbuatan seperti ini.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah mengikut peraturan-peraturannya apabila berlaku perkara ini Menteri mempunyai kuasa untuk memilih tribunal dan memanglah sebelum ini kita mempunyai regulasi ataupun peraturan yang tertentu untuk mengawasinya, tetapi kadang-kadang dalam peribahasa Melayu, kadang-kadang: Malang tak berbau. Ini berlaku terhadap perkara yang lain juga.

**PELAJAR-PELAJAR YANG  
MENCACI KERAJAAN**

**7. Puan Hasanah binti Mohd Kassim** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian telah melaksanakan "Borang Tunjuk Mereka yang tidak bersalah" ke atas pelajar-pelajar yang mencaci Kerajaan atau melakukan kegiatan yang tidak diingini dari pelajar-pelajar khusus yang belajar di luar negeri; kalau sudah dilaksanakan bagaimanakah penerimaan mereka terhadap rancangan ini.

**Dato' Mohamed Khalil Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum sesuatu tindakan diambil, penyiasatan secara teliti dijalankan untuk menjamin keadilan kepada semua pihak dan pelajar-pelajar diberi peluang untuk membela diri.

Borang tunjuk sebab adalah satu cara untuk membolehkan seseorang pelajar yang dikatakan terlibat dalam menentang Kerajaan memberikan segala keterangan yang diperlukan. Keterangan tersebut kemudian dikaji

bagi menentukan sama ada tindakan seterusnya perlu diambil berasaskan perjanjian mereka dengan Kerajaan. Pelajar-pelajar yang didapati menentang Kerajaan secara militan dan ingin menjatuhkan Kerajaan dengan kekerasan serta pelajar-pelajar yang melanggar syarat-syarat perjanjian akan diambil tindakan bergantung kepada kategori pelanggaran syarat-syarat. Oleh kerana penggunaan borang tunjuk sebab adalah satu tatacara baru, maka dengan itu Kementerian Pelajaran belum lagi menerima maklum balas mengenai langkah baru ini daripada Jabatan Penuntut Luar Negeri.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, Kerajaan khasnya Kementerian Pelajaran akan mengambil tindakan. Di sini saya ingin bertanya apa pula maklum balas atau tindakan balas yang diambil oleh Kerajaan terhadap orang-orang yang membawa fitnah ini yang mengapi-apikan kepada murid-murid atau pelajar-pelajar kita di luar negeri, umpamanya parti-parti Pembangkang yang datang ke sana ataupun juga orang-orang perseorangan, daripada persatuan-persatuan yang memberikan perangsang kepada orang sana untuk menentang Kerajaan kita, apa tindakan akan diambil?

**Dato' Mohamed Khalil Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini juga kita sentiasa kesan dan laporan-laporan ditrima dan tindakan yang boleh diambil bergantung kepada "degree" apa yang kita namakan "Kesalahan" dan dengan itu sudah tentulah sekiranya dia masuk ke peringkat yang menghasut dan lain-lain yang bertentangan dengan undang-undang kita sendiri di Malaysia, baru boleh kita mengambil tindakan.

Saya hendak jelaskan di sini kita sentiasa mengesan aktiviti-aktiviti secara ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Hajjah Hafsa binti Osman.

**Puan Nen Abidah binti Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan ke 8.

#### PEMBORONG BUMIPUTERA KELAS C

**8. Puan Nen Abidah binti Abdullah** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ada terdengar di kalangan Bumiputera yang memiliki lesen pemborong Kelas C dan ke atas yang tidak pernah mendapat peluang kerja dari JKR; jika sedar, kenapa dan berapakah jumlahnya dan apakah langkah yang diambil supaya mereka mendapat peluang kerja.

**Timbalan Menteri Kerja Raya (Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa ada terdapat kontraktor-kontraktor bumiputera yang didaftarkan dengan JKR Kelas C dan ke atas yang tidak pernah mendapat kerja kontrak daripada JKR. Ini ialah oleh kerana bilangan kontraktor-kontraktor yang berdaftar pada masa ini adalah ramai jika dibandingkan dengan tawaran-tawaran kontrak yang dikeluarkan oleh pihak JKR. Sebagai contoh pada akhir tahun 1983 terdapat sejumlah 2,015 kontraktor yang berdaftar dengan JKR di dalam Kelas C ke atas dan daripadanya seramai 683 adalah kontraktor-kontraktor yang bertaraf bumiputera, manakala bilangan tawaran kerja yang dikeluarkan oleh JKR Persekutuan dalam tempoh tahun 1983 adalah sebanyak cuma 353 sahaja.

Sebagaimana juga kita maklum bahawa tawaran kerja kontrak adalah dibuat secara bertanding ataupun secara pertandingan. Oleh yang demikian selain daripada jumlahnya berkurangan sekiranya dibandingkan dengan bilangan kontraktor itu, kontraktor-kontraktor yang memasuki tawaran

dan berjaya adalah terdiri daripada mereka yang mempunyai inisiatif dan membuat tawaran yang terbaik. Walau bagaimanapun, bagi tahun ini dan tahun-tahun hadapan adalah dijangkakan lebih banyak lagi tawaran-tawaran kontrak yang akan dibuat oleh pihak Kementerian saya dan ini akan memberi peluang yang lebih kepada kontraktor-kontraktor ini.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah:** Soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, rungutan-rungutan daripada pemborong-pemborong Bumiputera kita di kalangan terutama pemborong kelas C dan kelas-kelas lain. Apa yang saya dapat tahu daripada mereka ini rungutan-rungutan mereka kerana sungguhpun mereka memasuki tender-tender tetapi mereka tidak dapat kerana disebabkan pihak JKR mengutamakan kepada orang-orang yang telah menjalankan tugas-tugas ataupun pemborong-pemborong yang lebih awal, oleh itu mereka ini tidak ada pengalaman dan sebagainya. Kalau ini diamalkan, sampai bilakah pemborong-pemborong ini akan dapat kerana mereka tidak diberi peluang. Oleh itu, apakah cadangan daripada pihak JKR, bolehkah mereka yang belum pernah dapat ini diberi peluang untuk mereka berlatih supaya di masa akan datang boleh mereka ini masuk apa sahaja tender di JKR.

**Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, tuduhan itu tidak betul dan tidak tepat kerana sepertimana saya katakan tadi yang menang dalam pertandingan ataupun tawaran tender ini ialah yang telah membuat tawaran yang terbaik sekali dalam segi harga dan lain-lain hal, tetapi yang besarnya ialah dalam segi harga kerana mereka ini sudahpun berpengalaman, mereka dapat tahu dengan secara tepatnya anggaran-anggaran yang tertentu. Bagi pihak kontraktor-kontraktor lain yang tidak dapat kerja, sukalah saya memaklumkan bahawa kontaktor-

kontraktor yang berdaftar dengan JKR Persekutuan tidak semestinya menunggu tawaran-tawaran yang dikeluarkan oleh pihak JKR ataupun Jabatan saya sahaja, malahan pendaftaran ini boleh digunakan bagi tender-tender yang dikeluarkan oleh Jabatan-jabatan lain, sama ada di peringkat Persekutuan ataupun di peringkat Negeri dan boleh juga digunakan oleh pihak swasta.

Jadi dibandingkan dengan kerja-kerja yang begitu banyak yang dikeluarkan oleh lain-lain pihak daripada pihak JKR, maka tidak semestinya kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan JKR menumpu semata-mata harapan mereka daripada pihak JKR. JKR cuma memberi lesen untuk mereka membolehkan menjalankan kerja mereka jika ada kerja daripada pihak Kerajaan ataupun pihak JKR sendiri.

#### PANCARAN TV KE KAWASAN PENDALAMAN - MUTU

**9. Tuan Jaafar bin Harun** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk meningkatkan lagi mutu penyiaran TV supaya rakyat yang tinggal di kawasan pergunungan, bukit-bukit dan jauh di pendalaman akan dapat menikmati gambar yang lebih jelas.

23/4/84

**15. Tuan Ibrahim bin Salleh** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa TV di kawasan Pahang Barat tidak begitu terang gambarnya dan selalu terganggu siarannya terutama sekali di kawasan Bandar Raub.

**Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Chan Siang Sun):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan Ahli Yang Berhormat Tuan Ibrahim bin Salleh pada 23hb April, 1984 memandangkan bahawa kedua-dua soalan ini adalah berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar bahawa ada beberapa kawasan-kawasan di negara kita yang tidak dapat menerima siaran televisyen dan juga ada kawasan-kawasan yang tidak dapat menerima gambar-gambar televisyen dengan jelas. Atas kesedaran ini maka Kementerian saya telah mengambil tindakan untuk melaksanakan satu rancangan yang mengandungi beberapa fasa. Rancangan yang dimaksudkan ialah rancangan mengisikan liputan TV untuk Malaysia (pocket filling TV coverage of Malaysia). Dalam rancangan ini 38 buah stesen-stesen pemancar iaitu 25 buah di Semenanjung dan 13 buah di Sabah dan Sarawak akan didirikan di kawasan-kawasan pergunungan dan di kawasan-kawasan yang terlindung dari pemancar TV sekarang. Jika rancangan ini dilaksanakan, sebahagian besar dari kepincangan yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu akan dapat diatasi Walau bagaimanapun, seperti yang mana Ahli-Ahli Yang Berhormat sedia maklum pelaksanaan rancangan ini ditangguhkan dahulu memandangkan peruntukan kewangan yang pada masa ini tidak mencukupi.

### SUBSIDI MINYAK DIESEL

**10. Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sebab-sebab mengapa subsidi ke atas minyak diesel ditarik balik dan nyatakan:

- (a) jumlah wang negara yang dapat diselamatkan darinya;
- (b) sama ada tambang pengangkutan awam juga naik oleh kerana penarikan subsidi diesel ini; dan
- (c) sama ada Kerajaan bercadang melancarkan semula subsidi diesel ini untuk menurunkan harga barangan dan tambang pengangkutan awam.

**Tuan Oo Gin Sun:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah dijelaskan oleh Kerajaan semasa pengumuman penarikan balik subsidi barang-barang

petroleum pada 1/1/1984, perbelanjaan subsidi atas barang-barang petroleum merupakan satu beban kewangan yang besar dan Kerajaan tidak sanggup memikul beban ini untuk selamalamanya. Di samping itu, Kerajaan juga ingin mengikis sikap bergantung kepada subsidi (subsidy mentality) di kalangan rakyat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sejak Kerajaan mula memberi subsidi atas diesel pada tahun 1977 sehingga tahun 1982, perbelanjaan subsidi diesel telah berjumlah \$2,280 juta.

Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi (a), penjimatan kepada Kerajaan akibat penarikan balik subsidi diesel adalah dianggarkan sebanyak \$438 juta setahun berdasarkan kepada kadar subsidi diesel terakhir sebanyak 10.6 sen seliter.

Jawapan bagi (b), untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan menjalankan penilaian kadar tambang pengangkutan awam dari masa ke semasa. Penilaian ini adalah dibuat untuk menjamin sistem pengangkutan awam yang memuaskan agar ianya tidak masalah kepada pengusaha pengangkutan dan juga kepada orang awam, terutama mereka yang berpendapatan rendah yang sering menggunakan sistem pengangkutan awam. Kenaikan tambang pengangkutan awam baru-baru ini bukanlah disebabkan penarikan subsidi diesel semata-mata, tetapi ianya juga adalah dibuat berdasarkan kepada faktor-faktor berikut:-

- (i) kenaikan kos operasi seperti alat-alat ganti dan harga kenderaan;
- (ii) keupayaan pengusaha-pengusaha sendiri menanggung kos perkhidmatan pengangkutan; dan
- (iii) keupayaan orang ramai membiayai kenaikan tambang tersebut.

Sukacita saya memaklumkan bahawa apabila Kerajaan mengumumkan

penarikan balik subsidi barang-barang petroleum, Kerajaan juga pada hari yang sama telah memaklumkan kenaikan tambang beberapa jenis pengangkutan awam.

Jawapan bagi (c), Kerajaan tidak bercadang mengadakan semula subsidi diesel, sepertimana yang telah dijelaskan tadi. Ini adalah kerana perbelanjaan subsidi diesel merupakan satu beban kewangan yang besar kepada Kerajaan.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah:** Soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, subsidi telahpun dihapuskan dan sekarang ini adakah pihak Kerajaan untuk menarik balik cukai-cukai jalan ke atas kereta-kereta diesel yang mana pada satu masa sehingga ke hari ini melambung tinggi sampai 3 kali, 4 kali ganda.

**Tuan Oo Gin Sun:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan cukai ini Kementerian saya ada periksa. Menarik atau tak menarik, ini belum tetap lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim.

**Tuan Salleh bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ke 11.

## NAHAS KAPAL TERBANG MAS

**11. Tuan Salleh bin Kassim** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Pengangkutan menyatakan hasil dari siasatan dari nahas kapal terbang MAS pada bulan November, 1983 dan tindakan yang akan diambil untuk menjamin keselamatan penumpang-penumpang.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini pasukan penyiasatan masih lagi menjalankan kerja-kerja siasatan ke atas kemalangan pesawat Air Bus yang berkenaan. Oleh itu, hasil dari siasatan

dari nahas kapal terbang MAS itu belumlah lagi diketahui.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini keselamatan penerbangan adalah sentiasa diberi keutamaan oleh Kerajaan. Di antara langkah-langkah yang diambil untuk memastikan keselamatan penerbangan ialah menentukan supaya juruterbang-juruterbang diberi latihan yang cukup dan mempunyai kelayakan serta pengalaman yang sesuai. Semua alat kelengkapan pandu arah dan kemudahan-kemudahan lain diperiksa dan pesawat-pesawat juga ditentukan berada dalam keadaan yang baik. Berbagai langkah juga diambil untuk menentukan keselamatan penerbangan. Di antaranya, juruterbang-juruterbang MAS adalah dikehendaki menjalani pemeriksaan 'proficiency' pada tiap-tiap 6 bulan sekali.

Di lapangan terbang pula alat-alat ILS, dengan izin, instrument landing system perlu diuji dan menjalani kekebrasi sekurang-kurangnya pada tiap-tiap 90 hari manakala alat-alat VOR, dengan izin, VHF omnidirectional radio range perlu diperiksa pada 6 bulan sekali. Di samping itu sebelum sesuatu penerbangan dilakukan, pesawat tersebut diperiksa dan disahkan selamat oleh jurutera-jurutera MAS. Pesawat-pesawat juga perlu menjalani general maintenance mengikut jadual yang diluluskan oleh Jabatan Penerbangan Awam dan pengawasan yang berterusan diperbuat oleh MAS dan Jabatan Penerbangan Awam.

Bagi pesawat-pesawat yang didaftarkan di Malaysia, pesawat-pesawat perlu mendapat sijil airworthiness daripada Jabatan Penerbangan Awam dan sijil ini diperbaharui pada tiap-tiap tahun. Hanya pesawat-pesawat yang selamat dan diselenggarakan dengan baik sahaja akan dapat membaharui sijil airworthiness masing-masing. Semenjak

permulaan operasi MAS pada tahun 1972 rekod keselamatannya boleh dikatakan baik berbanding dengan sejumlah penerbangan yang diadakan pada tiap-tiap bulan. Sehingga ketika ini hanya terdapat 3 insiden yang boleh dikatakan serius yang menimpa kapalterbang-kapalterbang MAS. Pada keseluruhannya rekod ini adalah sangat baik jika dibandingkan dengan syarikat-syarikat penerbangan asing.

**Puan Hasnah binti Haji Mohd. Kasim:** Soalan tambahan. Setahu kita semasa penerbangan yang terlibat dengan kemalangan pada bulan November tahun lalu diberinya ganti rugi kepada penumpang-penumpang jadi berapakah jumlah perbelanjaan ganti rugi yang dikeluarkan oleh MAS pada keseluruhannya. Betulkah dengan kenyataan suratkhbar ataupun ada berlainan?

**Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi pemberian ganti rugi kepada penumpang-penumpang yang terlibat maka pihak MAS sebenarnya tidak ada memberi apa-apa ganti rugi oleh kerana apa-apa ganti rugi yang telah dibayar kepada penumpang-penumpang yang berkenaan adalah daripada pihak insuran. Oleh itu, syarikat insuran yang berkenaan telah membayar ganti rugi itu melalui MAS tetapi MAS tidak mengeluarkan apa-apa ganti rugi.

#### PENCEN – BAYARAN 1981-1983 DAN 1990

**12. Dato' Chin Kim Yoong** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah pencen yang telah dibayar pada tahun 1981, 1982 dan 1983 dan anggaran jumlah pencen bagi tahun 1990.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Puan Shariffah Dorah binti Syed Mohammed):** Tuan Yang di-Pertua, jumlah pencen yang telah dibayar pada pesara-pesara adalah seperti berikut:

Bagi tahun 1981 jumlah pembayaran sebenar – \$584,536,393.03 sen

Bagi tahun 1982 jumlah bayaran sebenar – \$586,622,919.87 sen

Bagi tahun 1983 (anggaran) – \$614,519,695.09 sen

Bagi tahun 1990 (anggaran) – \$1,194,519,800.00 sen

#### PUNCH KAD – PELAKSANAAN

**13. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada punch kad digunakan oleh semua Kementerian dan Jabatan dan berapakah kosnya untuk mengadakan sistem ini dan sama ada beliau berpuashati dengan sistem ini.

**Puan Shariffah Dorah binti Syed Mohammed:** Tuan Yang di-Pertua, semua Kementerian/Jabatan Kerajaan telahpun melaksanakan sistem kad perakam waktu ini sejak 25hb November, 1981. Sebuah mesin kad perakam waktu berharga lebihkurang \$2,000. Kos ini sangatlah kecil jumlahnya jika dibandingkan dengan keseluruhan kos pengurusan sesuatu Kementerian atau Jabatan itu. Kos ini tidak membebankan Kementerian atau Jabatan kerana faedah yang dihasilkan akan melicinkan sistem mengawal kedatangan, kepulungan kakitangan mengikut waktu yang ditetapkan.

Setelah dilaksanakan selama lebih 2 tahun didapati sistem ini telah memberi kesan yang amat baik kerana telah dapat mendisiplinkan dan memberi kesedaran kepada kakitangan Kerajaan untuk datang awal ke pejabat. Apabila semua kakitangan Kerajaan datang ke pejabat pada waktu yang ditetapkan, kerja-kerja pejabat dapat dimulakan dengan lebih awal. Ini adalah merupakan kesan yang amat baik kepada Perkhidmatan Awam keseluruhannya. Setakat ini Kerajaan berpuas hati dengan faedah yang diberikan oleh sistem ini.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar:** Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, kita memang menyedari dan mengakui sepenuhnya tentang faedah

secara langsung punch card ini iaitu untuk mendisiplinkan dan merakam waktu datang dan balik. Tetapi dari segi yang lain-lain, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri bagaimana hendak mendapat kepastian tentang adanya pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja Jabatan ini melengahkan kerja-kerja dengan tindakan-tindakan bersahaja di kantin-kantin, di bilik air, bergincu, bersimbang-simbang, goyang-goyang kaki. Ini tidak ada punch cardnya. Jadi kita mintalah supaya serentak tujuan punch card itu dengan keadaan yang dilakukan ini. Minta penjelasan.

**Puan Shariffah Dorah binti Syed Mohammed:** Tuan Yang di-Pertua, selain daripada sistem punch card ini, pihak Jabatan Perkhidmatan Awam ada juga menyediakan desk file. Dengan yang demikian dapatlah kita check kerja-kerja mereka sama ada dibereskan atau lengah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Encik Nasir hendak soal?

**Tuan Nasir bin Haji Manap:** Punch card yang digunakan sekarang kesannya lebih baik dari sebelum ianya diadakan. Tetapi adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar ada di antara punch card itu telah dipunchkan oleh orang lain. Kalau sedar hal ini berlaku, apakah langkah-langkah yang telah atau akan diambil. Elok saya jelaskan, seseorang yang mempunyai punch card itu tersedia di satu tempat khas kemungkinan terlewat seseorang itu hadir, orang lain mengpunchkan kad orang lain, apakah tindakan yang telah atau akan diambil.

**Puan Shariffah Dorah binti Syed Mohammed:** Tuan Yang di-Pertua, kita dapati perkara ini tidak berlaku kerana di tiap-tiap tingkat itu ada orang yang mengawasi dan ada monitor dan ada receptionist yang menjaga tiap-tiap mereka yang datang betugas.

**Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman:** Soalan tambahan. Kalau

dapat saya minta penjelasan, sepanjang masa punch card ini telah dilaksanakan sehingga bulan Disember, 1983 dahulu berapa ramaikah kakitangan yang telah menyalahgunakan masa lewat datang ataupun yang melakukan kesalahan, yang tidak mengikut peraturan yang telah didenda ataupun diberi amaran tentang kelewatan ataupun tidak mengikut peraturan.

**Puan Shariffah Dorah binti Syed Mohammed:** Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini saya mohon notis.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Kee Yong Wee.

**Tuan Loo Swee Mok:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, Soalan ke 14.

#### DEFISIT BEKALAN KEPADA JEPUN

**14. Tuan Loo Swee Mok** (*di bawah S.O. 23(2)*) minta Menteri Kewangan sama dan Kerajaan akan mengambil langkah-langkah positif untuk membenarkan difisit bekalan yang berakhir pada tahun 1981 kepada Jepun.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang di-Pertua, saya dapati soalan ini kurang sedikit jelas maksudnya. Barangkali walau bagaimanapun Ahli Yang Berhormat bertanyakan mengenai kurangan dagangan yang dialami oleh negara kita dengan Jepun dan langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengatasi kurangan ini. Jika ini yang ditanyakan memang benarlah Malaysia mengalami kurangan dagangan dengan negeri Jepun berjumlah sebanyak \$788 juta pada tahun 1981. Pada tahun 1982 angka kurangan ialah sebanyak \$1,530.4 juta dan dijangka terus meningkat ke paras \$2,556 juta pada tahun 1983 berdasarkan kepada catatan defisit sebanyak \$1,228.3 juta dalam tempoh 8 bulan pertama tahun tersebut. Pertambahan dalam defisit ini disebabkan oleh prestasi eksport barangan utama Malaysia yang semakin merosot berbanding dengan

pertumbuhan import akibat dari kejatuhan harga beberapa jenis barangan utama di pasaran dunia ekoran dari kemelesetan ekonomi dunia yang berlarutan.

Tuan Yang di-Pertua, hampir semua bahan eksport utama Malaysia ke Jepun seperti getah, bijih timah, minyak kelapa sawit, petroleum mentah dan lada hitam telah merosot sama ada dari segi kuantiti mahupun dari segi nilainya. Prestasi eksport barangan perkilangan negara kita ke Jepun belum menggalakkan dan masih terlalu kecil berbanding dengan import ke atas beberapa jenis barang-barang perkilangan dari Jepun yang menyumbangkan lebih kurang 25% dari jumlah import negara kita pada tahun 1983.

Kerajaan melalui Kementerian-kementerian berkenaan telah mengambil beberapa langkah positif bagi mengatasi masalah ini. Beberapa program telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan dan juga swasta dengan kerjasama pihak JETRO dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, (Japan External Trade Organisation) dalam meluaskan pasaran barangan bersama Malaysia ke negara Jepun. Antaranya termasuklah mengadakan rombongan perdagangan ke negara tersebut, mengadakan seminar, forum, kajian pasaran dan mutu barangan dan juga perkhidmatan pakar perunding.

Pertubuhan Persatuan Ekonomi Malaysia/Jepun dan Jepun/Malaysia yang dikenali sebagai JAMECA merupakan satu usaha Kerajaan bagi meningkatkan lagi hubungan kerjasama di kalangan peniaga di antara kedua-dua negara.

Di samping itu Malaysia terus menggesa pihak Jepun supaya dapat mengurangkan atau menghapuskan sebarang dasar perlindungan serta sekatan dagangan yang dikenakan oleh negara tersebut terhadap negara kita. Memandangkan kerjasama dan persahabatan yang begitu erat antara

Jepun dan negara kita pada masa ini, perdagangan dua hala kedua-dua negara ini dijangka akan dapat ditingkatkan lagi pada masa-masa hadapan. Dan dengan pemulihan ekonomi dunia yang sedang berlaku sekarang ini dan perkembangan semula industri-industri di beberapa buah negara maju termasuk Jepun, kita percaya prestasi eksport bahan-bahan utama negara kita akan bertambah baik dan ini akan dapat memperbaiki kedudukan perdagangan negara kita dengan Jepun di masa-masa hadapan.

### MENARIK BALIK SOALAN NO. 15

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Rokiah binti Zainuddin.

**Puan Rokiah binti Zainuddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menarik balik soalan ini, kerana soalan ini sudah berjawab.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan K. Kumaran.

**Dato G. Pasamanickam:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 16.

### LEBUHRAYA - PENSWASTAAN

**16. Dato' G. Pasamanickam** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada Kerajaan bercadang menswastakan lebuhraya-lebuhraya yang sedang digunakan dalam jangkamasa 5 tahun ke hadapan ini, jika ya, nyatakan lebuhraya-lebuhraya yang akan terlibat itu dan juga lebuhraya-lebuhraya dalam pembinaan dan dalam rancangan pembinaan sekarang yang akan turut diswastakan pada tempoh masa itu dan cara penswastakan itu akan dilakukan kelak.

**Timbalan Menteri Kerjaraya (Dato' Dr. Nik Hussain bin Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini saya belumlah dapat menyatakan manakah lebuhraya-lebuhraya yang mungkin diswastakan dalam masa lima tahun akan datang ini sama ada lebuhraya-lebuhraya sedang dalam

penggunaan ataupun dalam pembinaan. Kementerian saya sedang mengkaji perkara-perkara berkaitan dengan penswastan lebuhraya-lebuhraya ini dan juga mengenai cara-cara penswastan sesuai dengan peruntukan-peruntukan dalam Rang Undang-undang mengenai penswastan lebuhraya yang akan dikemukakan ke dalam Dewan yang mulia ini.

### KUMPULAN WANG SIMPANAN GURU-GURU - CARUMAN

**17. Dato' G. Pasamanickam** minta Menteri Kewangan menyatakan memandangkan bahawa caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Guru-guru (TPF) tidak lagi dibuat sama ada Kerajaan bertujuan untuk memulangkan semula caruman-caruman dalam simpanan KWSG.

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk memulangkan semula caruman-caruman dalam simpanan Kumpulan Wang Simpanan Guru-guru.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Hajjah Hafsah binti Othman.

**Puan Nen Abidah binti Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan ke 18.

### PUSAT ASUHAN KANAK-KANAK DI JABATAN KERAJAAN

**18. Puan Nen Abidah binti Abdullah** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang menubuhkan pusat-pusat asuhan kanak-kanak yang berumur dari 2 bulan hingga ke 14 tahun di kompleks-komplek Jabatan Kerajaan, bagi memberi kemudahan kepada ibu-ibu yang bekerja, kalau tidak kenapa.

**Puan Shariffah Dorah binti Syed Mohammed:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang mengadakan Pusat Asuhan Kanak-kanak di kompleks-komplek Jabatan Kerajaan bagi kemudahan ibu-ibu yang bekerja. Masalah penjagaan anak-anak kecil adalah tanggungjawab ibu bapa sendiri. Ibu bapa yang bekerja dan mempunyai anak-anak kecil dalam lingkungan umur yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat hendaklah membuat pengurusan sendiri bagi anak-anak mereka dijaga semasa mereka bekerja.

### MENTERI KERJARAYA - LAWATAN KE JALANRAYA BATU GAJAH/TG. TUALANG

**19. Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim** minta Menteri Kerjaraya menyatakan bila beliau akan melawat ke Batu Gajah dan Tg. Tualang yang mana beliau boleh melihat jalanraya yang digunakan oleh rakyat dan dengan demikian beliau akan lebih bersimpati dan akan meluluskan projek tersebut.

**Dato' Dr. Nik Hussain bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kerjaraya suka membuat lawatan ke jalanraya menuju ke Batu Gajah dan Tg. Tualang sepertimana yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Tetapi jalanraya-jalanraya ini adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri sendiri bukan Kementerian ini. Oleh yang demikian, saya hanya boleh melaporkan perkara ini kepada Kerajaan Negeri sekiranya penyelenggaraan jalanraya-jalanraya ini tidak memuaskan.

Sungguhpun begitu, daripada apa yang dimaklumkan kepada saya, kerja-kerja penyelenggaraan jalanraya yang berkenaan adalah dilakukan dari semasa ke semasa.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Jaafar bin Harun.

(Soalan No. 20 Yang Berhormat Tuan Jaafar bin Harun tidak hadir)

### SINDIKET MENCAMPUR MINYAK PETROL BIASA/SUPER

**21. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa adanya sindiket-sindiket yang mencampur minyak petrol biasa (regular) dengan super; jika sedar nyatakan tindakan yang telah diambil untuk melumpuhkan sindiket-sindiket ini.

**Tuan Oo Gin Sun:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak sedar adanya sindiket-sindiket tertentu yang mencampur minyak petrol premium dengan minyak petrol biasa dengan regular seperti yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat. Perbezaan harga bagi satu liter antara kedua-dua jenis minyak ini hanya sebanyak enam sen sahaja dan adalah tidak menguntungkan untuk melakukan percampuran tersebut.

Walaupun bagaimanapun, memang tidak dinafikan terdapatnya pihak-pihak tertentu yang mencuri dan mencampurkan minyak petrol dengan minyak tanah atau minyak diesel. Pegawai-pegawai saya tidak dapat mengambil tindakan terhadap aktiviti pencurian ini oleh kerana ianya di luar bidang kuasa Kementerian saya.

Kementerian saya hanya boleh bertindak ke atas stesen-stesen minyak yang diadukan menjual atau disyaki menjual minyak campur dengan mendakwa pengurus stesen minyak berkenaan di mahkamah sekiranya didapati contoh minyak yang diambil dari stesenya disahkan oleh Jabatan Kimia sebagai minyak campur dan bukan minyak petrol seperti yang diperihalkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya, tindakan ini adalah merupakan tindakan ke atas kesalahan penggunaan perihal dagangan palsu di bawah Akta Perihal Dagangan, 1972.

### SISTEM PENERBANGAN MALAYSIA (MAS) – TEMPAHAN TIKET

**22. Dato' Chin Kim Yoong** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa apabila pelanggan kapal hendak menempah tempat di Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) jawapan yang biasa diberi ialah tidak ada tempat kosong tetapi apabila kapal terbang itu berlepas selalu sahaja didapati banyak tempat kosong kadang-kadang hanya seorang dua sahaja yang terdapat di kelas pertama dan lebih dari separuh di kelas ekonomi.

**Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, bagi urusan penempahan-penempahan tiket MAS sentiasa berusaha untuk memperbaiki kelemahan-kelemahan yang mungkin timbul dan berhubung dengan ini MAS telah pun mengadakan Sistem Penempatan Berkomputer yang dikenali sebagai COMAS.

Sistem komputer ini digunakan di semua pejabat-pejabat MAS kecuali pejabat-pejabatnya di Medan, Brunei, Madras dan stesen-stesen luar bandar di Sabah dan Sarawak.

Sistem komputer ini berupaya memberi segala maklumat mengenai kedudukan tempat duduk bagi sesuatu penerbangan dan juga mengenai penempahan-penempahan hotel. Sungguhpun sistem berkomputer ini dapat membuat pengesahan perjalanan seseorang penumpang dengan serta merta, jika komputer menunjukkan bahawa masih terdapat kekosongan bagi sesuatu penerbangan itu.

Kadangkala timbul keadaan di mana penerbangan-penerbangan berlepas dengan adanya tempat yang kosong walaupun mengikut komputer penerbangan telah ditempah penuh. Keadaan ini tidak dapat dielakkan kerana ianya disebabkan oleh penumpang-penumpang yang telah disahkan tempat duduknya, tetapi tidak membuat penerbangan pada peringkat akhirnya. Oleh kerana inilah maka

keadaan seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu timbul. Pihak MAS memang mengambil berat untuk mengelakkan berlakunya perkara ini dan untuk mengatasinya telahpun mengadakan pembayaran surcharge ke atas penumpang-penumpang yang tidak memberi notis secukupnya apabila membatalkan penerbangan.

Bayaran surcharge dikenakan ke atas penumpang-penumpang yang membatalkan penerbangan mereka tanpa memberi pengesahan dalam tempoh 24 jam sebelum penerbangannya.

Semenjak bayaran surcharge sebanyak 25% diperkenalkan pada tahun 1979, pihak MAS telah mengutip sebanyak \$4.1 juta, sungguhpun demikian, kejadian-kejadian seperti yang dikatakan itu masih berlaku.

### PASARAN SAHAM KUALA LUMPUR

**23. Tuan Paramjit Singh** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan mengambil langkah-langkah yang awal dan serta-merta untuk menutup jurang di dalam peraturan-peraturan mengenai Pasaran Saham Kuala Lumpur untuk mengurangkan spekulasi di dalam Pasaran tersebut.

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Akta Perusahaan Sekuriti 1983 telah dikuatkuasakan mulai 7hb Julai 1983.

Akta ini memberi kuasa kepada Kerajaan untuk mencegah dan mengawal dengan lebih berkesan ke atas spekulasi yang berlebih-lebihan akibat dari transaksi perdagangan palsu dan penipuan lain dalam Pasaran Saham Kuala Lumpur.

Dalam Akta ini terdapat peruntukan-peruntukan yang lebih lengkap untuk melarang, dengan izin, short-selling dan amalan-amalan lain yang boleh membawa kepada spekulasi yang berlebih-lebihan.

Di samping itu Pejabat Pendaftar Syarikat juga menjalankan pemeriksaan ke atas rekod-rekod semua firma-firma dan syarikat-syarikat broker saham dari semasa ke semasa dan kerja-kerja pengoditan juga dijalankan oleh Juruodit Bebas ke atas syarikat-syarikat tersebut dengan tujuan menyekat dan mengesan penyelewengan atau manipulasi dalam pasaran saham ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan K. Kumaran.

**Dato G. Pasamanikam:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 24.

### UNICEF – PENGLIBATAN MALAYSIA

**24. Dato G. Pasamanickam** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan:

- (i) Penglibatan Malaysia dalam kegiatan UNICEF selama ini;
- (ii) jumlah caruman Malaysia ke badan Bangsa-bangsa Bersatu ini tiap-tiap tahun; dan
- (iii) sama ada benar Amerika Syarikat ingin menarik balik sokongan moral dan material ke badan ini; jika benar; apakah sebabnya Amerika Syarikat bertindak demikian.

**Puan Shariffah Dorah binti Syed Mohammed:** Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah mendapat bantuan kerjasama daripada UNICEF semenjak tahun 1954. Bantuan daripada UNICEF diterima dalam bentuk pembiayaan secara geran bagi projek-projek kecil bertujuan memperbaiki kedudukan ibu-ibu dan kanak-kanak serta golongan yang kurang bernasib baik untuk membolehkan mereka menikmati faedah dan menyertai proses pembangunan negara.

Antara bidang-bidang yang telah mendapat bantuan termasuklah kesihatan ibu-ibu dan kanak-kanak, amalan makanan dan pemakanan, pembangunan keluarga dan pembangunan masyarakat.

Bagi program bantuan UNICEF kepada Malaysia bagi tahun 1983/1984 sejumlah US\$1,170,000 telah disediakan untuk membiayai empat projek iaitu:

- (a) Kajian mengenai kemudahan pra sekolah di seluruh negara.
- (b) Bantuan untuk meningkatkan Kemudahan Tadika-tadika yang diuruskan oleh KEMAS di kawasan luar bandar.
- (c) Kajian untuk menilai keperluan bagi pusat menjaga kanak-kanak di bandar-bandar besar untuk ibu-ibu yang bekerja.
- (d) Bantuan kepada projek 'Sang Kancil' yang menyokong aktiviti pembangunan masyarakat serta meningkatkan pendapatan penduduk di kawasan-kawasan yang kurang mendapat kemudahan di Kuala Lumpur.

Malaysia menyumbangkan sejumlah US\$82,203 setahun kepada UNICEF General Resource Fund. Selain daripada itu Malaysia juga membuat sumbangan sejumlah US\$20,000 setahun sebagai sokongan kepada perbelanjaan pentadbiran UNICEF.

Setakat yang diketahui Amerika Syarikat tidak mengatakan apa-apa hasrat atau cadangan untuk menarik balik sokongan moral dan material kepada UNICEF.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Mohd. Noor bin Bedah.

**Tuan Haji Fadzil bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 25.

#### MAHKAMAH SYARIAH DAN SIVIL – PENYATUAN

**25. Tuan Haji Fadzil bin Mahmood** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Perdana Menteri menjelaskan sama ada Kerajaan bercadang untuk mencontohi Sistem di Mesir, di mana Mahkamah Islam disatukan dengan Mahkamah

Sivil, dalam penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran Kerajaan.

**Puan Shariffah Dorah binti Syed Mohammed:** Tuan Yang di-Pertua, dalam penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran Kerajaan Malaysia, tidak ada apa-apa cadangan pada masa sekarang untuk menyatukan Mahkamah Syariah dengan Mahkamah Sivil seperti sistem mahkamah di Mesir seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Perkara ini terpaksa dikaji dengan teliti dari segi Perlembagaan Malaysia dan juga dari segi bidang kuasa undang-undang di bawah Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan pada masa ini sedang mengkaji untuk meningkatkan bidang kuasa Mahkamah Syariah dan menaikkan taraf Kadi-kadi setaraf dengan Hakim di Mahkamah Magistret.

Dalam kajian untuk menaikkan taraf Mahkamah Syariah pihak Kerajaan ada juga mengambil contoh di manamana yang sesuai yang dan terdapat dalam sistem perundangan Mahkamah di Mesir dan juga di negara Islam yang lain.

Usaha-usaha telah diatur untuk memberi latihan lanjut kepada Kadi-kadi dan mengadakan kursus lanjutan, kursus profesional bertaraf diploma dalam bidang kehakiman dengan kerjasama dari Universiti Islam Antarabangsa (UIA). Kursus ini akan dijalankan pada sesi pengajian 1985/1986 di Universiti Islam Antarabangsa.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil Che Wan.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 26.

#### PERHUBUNGAN SEJENIS (HOMOSEXUALISM)

**26. Tuan Haji Shaharom bin Maasom** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Perdana

Menteri menyatakan apakah pendirian Kerajaan berkenaan dengan kejadian perhubungan sejenis (homosexualism dan lesbianism) di dalam negara ini.

**Puan Shariffah Dorah binti Syed Mohammed:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang memandang berat tentang kejadian perhubungan sejenis di antara lelaki. Kejadian tersebut menjadi satu kesalahan di bawah Seksyen 377 Kanun Keseksaan dan mereka yang didapati salah boleh dihukum penjara selama 20 tahun dan juga dikenakan denda ataupun disebat. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 377 Kanun Keseksaan berbunyi seperti berikut:

“377. Whoever voluntarily has carnal intercourse against the order of nature with any man, woman or animal, shall be punished with imprisonment for a term which may extend to 20 years and shall also be liable to a fine or to whipping.”

“*Explanation:* Penetration is sufficient to constitute the carnal intercourse necessary to the offence described in this section.”

Buat masa ini tidak ada sebarang peruntukan undang-undang jenayah mengenai kejadian perhubungan sejenis antara wanita.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sedap dengar cerita ini. Saya ingin bertanya setakat ini adakah tangkapan telah dijalankan kerana saya tahu banyak perkara-perkara ini terjadi dan tersiar dalam akhbar, majalah dan sebagainya menunjuk betapa enaknya diperkatakan dalam laporan-laporan itu. Oleh itu saya ingin bertanya setakat ini adakah laporan yang ditangkap dan apakah hukuman atas mereka itu telah dijalankan?

**Puan Shariffah Dorah binti Syed Mohammed:** Buat pada masa ini di setengah-setengah negeri memang ada tangkapan yang telah dijalankan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada soalan mengenai hukuman, adakah tahu hukumannya?

**Puan Shariffah Dorah binti Syed Mohammed:** Tindakan dan hukuman mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Mahkamah Syariah Negeri masing-masing.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan di bawah Akta Kanun Keseksaan Seksyen 377 yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi penalti itu sangat tinggi sampai 20 tahun penjara jika sabit kesalahannya, tetapi memandangkan dalam sejarah kemanusiaan bahawa Tuhan sendiri pernah menenggelamkan satu negeri akibat kejadian seperti itu. Apakah Kerajaan kita tidak akan berhasrat untuk meminda Undang-undang Seksyen 377 ini daripada hukuman penjara 20 tahun kepada hukuman mati?

**Puan Shariffah Dorah binti Syed Mohammed:** Tuan Yang di-Pertua, kita baru sahaja selesai menggubal Undang-undang Keluarga Islam dan dalam usaha dan dalam proses menggubal dan menyusun semula Undang-undang Jenayah, insya Allah perkara ini akan dimasukkan dan diambil perhatian.

(Jawapan bagi Pertanyaan No. 20 adalah diberi di bawah ini)

#### SKIM PINJAMAN PERUMAHAN PASANG SIAP

**20. Tuan Jaafar bin Harun** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Kerajaan ada rancangan untuk mewujudkan Skim Pinjaman Perumahan Pasang Siap kepada rakyat luar bandar, jika ada, nyatakan bila dan bagaimana rancangan ini dijalankan, jika tidak ada, mengapa.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr. Neo Yee Pan):** Soalan Ahli Yang Berhormat itu kurang jelas. Walau bagaimanapun, ingin saya

terangkan bahawa Kerajaan mempunyai dua skim pinjaman perumahan yang membolehkan peminjam membina rumah dengan menggunakan bahan pasang siap. Satu skim ini ialah Skim Pinjaman Perumahan Kerajaan untuk Pegawai-pegawai Kerajaan. Pemohon bagi pinjaman perumahan ini boleh membeli rumah yang dibina oleh pemaju swasta atau agensi Kerajaan dengan menggunakan bahan pasang siap. Beliau juga boleh membeli tanah sama ada di bandar atau luar bandar, untuk membina rumah pasang siap.

Satu lagi skim pinjaman ialah Skim Pinjaman Perumahan Khas bagi rakyat berpendapatan rendah yang dikendalikan oleh Kementerian saya. Skim ini adalah untuk mereka yang berpendapatan rendah, khususnya penduduk luar bandar. Pinjaman maksima bagi skim ini ialah \$7,500. Peminjam yang berjaya boleh membina rumah pasang siap di atas tapak yang sedia ada.

## USUL

### UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA KEBAWAH D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, mohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara, mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Ke-

bawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Keenam.” (11hb April, 1984).

**Timbalan yang di-Pertua:** Saya jemput Jabatan Perdana Menteri menjawab.

3.37 ptg.

**Puan Shariffah Dora binti Syed Mohammed:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, teguran dan syor-syor yang membina terhadap perkara yang di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri dan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Titah Ucapan Diraja. Dalam tempoh perbahasan, beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan beberapa perkara antaranya mengenai pemberian kontrak-kontrak Kerajaan kepada kontraktor-kontraktor luar negeri, perjalanan Lembaga Urusan dan Tabung Haji dan beberapa aspek mengenai Perkhidmatan Awam.

Yang Berhormat Senator K. Kumaran telah menyentuh mengenai pemberian kontrak Kerajaan kepada kontraktor-kontraktor luar negeri yang dianggapnya memonopoli kontrak-kontrak Kerajaan. Beliau mengaitkan perkara ini kepada dasar persyarikatan Malaysia. Saya ingin menjelaskan bahawa pemberian sesuatu kontrak tidak patut dikaitkan dengan dasar tersebut. Tawaran dan pemberian kontrak Kerajaan adalah berpandukan kepada dasar dan amalan tender Kerajaan. Pada masa ini Kerajaan mengamalkan dasar memberi peluang kepada para kontraktor asing untuk menyertai tender bersama dengan para kontraktor tempatan dengan tujuan untuk mendapatkan tawaran tender yang menguntungkan Kerajaan.

Bagi projek-projek yang dibiayai melalui pinjaman daripada institusi-

institusi kewangan antarabangsa seperti Bank Pembangunan Asia. Bank Dunia dan Bank Pembangunan Islam adalah menjadi syarat pinjaman yang berkehendakkan para kontraktor asing menyertai tender bersama-sama dengan para kontraktor tempatan dalam tender berkaitan. Kontraktor yang menawarkan harga yang berpatutan cadangan teknikal yang bertepatan dan teknik pembinaan moden yang bersesuaian akan ditawarkan kontrak berkenaan. Terdapat juga kontraktor-kontraktor tempatan memenangi tender antarabangsa seperti tender pembinaan Hospital Besar Kuala Trengganu yang dilaksanakan secara Turnkey. Sebagai langkah untuk mendedahkan para kontraktor-kontraktor tempatan dalam pembinaan projek-projek yang dikendalikan oleh kontraktor asing Kerajaan menetapkan syarat dalam perjanjian kontrak dengan kontraktor-kontraktor asing yang mewajibkan mereka memberikan kerja-kerja sub-kontrak kepada kontraktor tempatan.

Di samping itu terdapat beberapa kontrak di mana para kontraktor asing diwajibkan mengadakan skim latihan kemahiran kerja kepada pekerja-pekerja tempatan seperti dalam kontrak pembinaan Jambatan Pulau Pinang, pembinaan Bangunan PNB, dan Dayabumi. Tingkat perolehan teknologi dan kepakaran yang dicapai bergantung kepada kesungguhan kita untuk belajar, dan sikap yang terbuka untuk menerima tunjukajar dalam bidang teknologi sebagai persediaan kita untuk berdikari dalam perusahaan binaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Haji Abdul Wahab bin Abu Bakar telah menyentuh beberapa perkara mengenai Lembaga Urusan dan Tabung Haji khususnya mengenai harga rumah-rumah kepunyaan anak syarikat Tabung Haji yang dikatakan tidak jauh bezanya daripada harga rumah-rumah jualan firma dan syarikat-syarikat perumahan yang lain.

Ingin saya jelaskan bahawa Tabung Haji melalui anak syarikatnya iaitu Syarikat Pembinaan dan Perumahan Tabung Haji Sdn. Bhd. menceburkan diri dalam bidang perumahan dengan dua tujuan, iaitu

1. Ia membina rumah kedai untuk dijual kepada orang ramai khususnya ahli-ahli Tabung Haji dengan kadar harga yang berpatutan.
2. Penglibatannya dalam bidang pembinaan dan perumahan itu hendaklah jangan merugikan Tabung Haji.

Projek yang pertama ialah di Bukit Tinggi, Jitra, Kedah mengandungi 448 unit bangunan terdiri daripada 387 unit rumah teres dua bilik satu tingkat dengan harga \$47,800 satu unit. Tiga puluh lima unit rumah teres tiga bilik dengan harga \$57,800 se unit. Duapuluh enam unit rumah kedai dua tingkat dengan harga \$130,000 seunit. Harga-harga tersebut adalah mengikut penilaian yang dibuat oleh penilai Kerajaan. Dengan demikian harga jualan Tabung Haji itu adalah sangat berpatutan. Kerana sekiranya dijual lebih murah tujuannya yang kedua iaitu supaya jangan merugikan tidak akan tercapai. Sehingga hari ini lebih daripada 70% daripada rumah-rumah tersebut telahpun dijual dan kesemuanya kepada bumiputra. Ini bolehlah dianggap sebagai satu sumbangan yang berharga daripada Tabung Haji kepada ahli-ahlinya.

Kita sedia maklum sekiranya Tabung Haji mendapat kerugian dalam masalah perumahan ini sudah tentu orang ramai khususnya penyimpan-penyimpan akan mengutuk Tabung Haji. Saranan supaya Tabung Haji melibatkan diri dalam perusahaan pembekalan keperluan orang-orang Islam dan makanan halal itu adalah baik dan munasabah. Pihak Tabung Haji akan memberi pertimbangan yang sedalam-dalamnya terhadap cadangan ini.

Berkenaan dengan soalan hadiah yang diberi oleh Tabung Haji itu nampaknya ada sedikit kekeliruan. Sebenarnya tiap-tiap simpanan di Tabung Haji akan mendapat keuntungan atau bonos. Untuk tahun 1983, bonos yang diberi atas simpanan masing-masing setelah ditolak zakat adalah sebanyak 8½%. Ini bermakna sekiranya seseorang penyimpan yang mempunyai simpanan sebanyak \$50,000 di Tabung Haji untuk tempoh satu tahun ia akan mendapat keuntungan setelah ditolak dibayar zakatnya sebanyak \$4,250.00. Tetapi di samping mendapat keuntungan \$4,250.00 itu sebagai galakan daripada Tabung Haji ada pula mengeluarkan hadiah-hadiah. Hadiahnya adalah:

1. Penyimpan yang mempunyai simpanan \$7,500.00 sehingga \$49,999.00 diberi hadiah sebuah beg pakaian dan sebuah tabung simpanan kanak-kanak.
2. Penyimpan yang menyimpan \$50,000.00 hingga \$499,999.00 hadiahnya sebuah briefcase dan sebuah tabung simpanan kanak-kanak.
3. Penyimpan yang mempunyai \$500,000.00 dan lebih akan dihadiah satu tiket umrah MAS, briefcase dan tabung simpanan kanak-kanak.

Tabung Haji merupakan sebuah badan amanah bagi wang simpanan ahli-ahlinya. Oleh yang demikian tidaklah dapat amanah kepada ahli-ahlinya ia akan berusaha seberapa yang boleh memberi seberapa banyak keuntungan atau bonos kepada penyimpan-penyimpannya. Penyimpan-penyimpan boleh secara sukarela mengeluarkan sumbangan kepada sesiapa sahaja yang dikehendakkinya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato G. Pasamanickam telah menyarankan supaya lebih banyak lagi anugerah penghargaan perkhidmatan cemerlang diberi kepada pegawai-pegawai dan

kakitangan Kerajaan. Sebagaimana termaklum pemberian perkhidmatan penghargaan perkhidmatan cemerlang telah dibuat sejak tahun 1979 lagi iaitu sempena dengan pelancaran perkhidmatan cemerlang seluruh negara. Hingga dari ini Kementerian-kementerian dan agensi-agensi Kerajaan telah pun melaksanakan pemberian itu.

Sebagai satu usaha menggalakkan pemberian itu satu surat pekeliling telahpun dikeluarkan bertujuan meringkaskan lagi mempermudah dan urusan pemberian ke satu peringkat sahaja iaitu peringkat Ketua Jabatan. Ketua Jabatan juga telah diberi kuasa budibicara yang luas dalam melaksanakannya. Selanjutnya usaha yang positif untuk menggalakkan skim ini telah pun dibuat dengan cara meminta semua Kementerian melaporkan kepada MAMPU dua minggu sekali pelaksanaan aktiviti ethika perkhidmatan termasuklah pemberian penghargaan perkhidmatan cemerlang.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai saranan Yang Berhormat Senator Haji Shaharom bin Maasom supaya disatukan Skim Perkhidmatan PTA dan PTD, ingin dijelaskan bahawa baru-baru ini Kerajaan telah mengkaji semula skim-skim perkhidmatan PTD dan PTA dan hasil daripada kajian itu Kerajaan berpendapat bahawa Skim Perkhidmatan PTD dan PTA hendaklah dikekalkan seperti sekarang. Walau bagaimanapun, Kerajaan juga mengambil perhatian bahawa peluang kenaikan pangkat PTA perlu diperbaiki lagi. Bagi maksud ini tindakan sewajarnya sedang diambil.

Yang Berhormat Senator Fadzil Mahmood telah menyentuh adanya pegawai-pegawai Kerajaan yang menentang dasar-dasar Kerajaan. Kerajaan sedar bahawa ada di antara pegawai-pegawai Kerajaan yang mengkritik dasar-dasar Kerajaan tetapi Kerajaan belum pasti ada golongan mereka yang menentang kuat dasar Kerajaan. Sesungguhnya pegawai-

pegawai Kerajaan tidak boleh menentang dasar-dasar Kerajaan. Dasar-dasar yang dilaksanakan oleh Kerajaan hendaklah mereka laksanakan dengan penuh tanggungjawab, dedikasi dengan 'Bersih, Cekap dan Amanah'.

Akhirnya saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan teguran, pandangan serta syor-syor menyentuh perkara-perkara yang di bawah Jabatan Perdana Menteri. Segala perkara yang ditimbulkan telah dicatit dan diberi perhatian.

**Timbalan Yang di-Pertua:**  
Kementerian Pertahanan.

3.49 *ptg.*

**Timbalan Menteri Pertahanan (Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah turut serta mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Ucapan di-Raja khasnya yang telah menyentuh beberapa perkara yang berkaitan dengan Kementerian Pertahanan.

Yang Berhormat Senator Haji Ariffin Salleh telah membangkit projek pembinaan lapangan terbang TUDM Gong Kedak. Saya memang sedar iaitu pelaksanaan projek Gong Kedak telah ditangguhkan buat sementara waktu. Ini adalah disebabkan oleh keadaan kemelesetan ekonomi yang masih belum pulih sepenuhnya. Di samping itu usaha-usaha pengambilan balik tanah bagi tapak projek tersebut masih belum siap dan sedang diuruskan lagi.

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Senator janganlah khuatir sebab pelaksanaan projek ini akan diteruskan sebaik sahaja keadaan mengizinkan.

Yang Berhormat Senator Fadzil Mahmood telah membangkitkan perkara perumahan bagi anggota-anggota tentera kita. Terima kasih atas perhatian yang Berhormat Senator itu. Kementerian Pertahanan sedar tentang penting tempat kediaman kepada anggota-anggota tentera, dan atas kesedaran inilah Kementerian Pertahanan telah memberi keutamaan kepada rancangan-rancangan perumahan dan pembinaan. Beberapa langkah telahpun diambil untuk mengatasi kekurangan ini melalui pembinaan perumahan biasa dan pembinaan rumah-rumah pasang siap (prefabricated). Disamping itu Kementerian Pertahanan telah juga melancarkan pembelian rumah-rumah berkelompok daripada Kerajaan Negeri dan juga swasta untuk menampung keperluan kediaman bagi anggota-anggota angkatan tentera yang telah berkeluarga, di mana keadaan membenarkan penyewaan rumah-rumah kelamin diteruskan sebagai satu lagi langkah untuk mengatasi masalah kekurangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun usaha-usaha yang saya sebutkan tadi telah diambil oleh pihak Kementerian Pertahanan, tetapi masih terdapat ramai anggota-anggota tentera yang tidak dapat disediakan kediaman, dan untuk golongan ini Kerajaan memberi elaun sewa rumah kepada mereka yang sudahpun berkahwin. Pandangan Ahli Yang Berhormat Senator itu tentang masalah perumahan angkatan tentera akan tetap diberi perhatian oleh Kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Haji Abdul Razak bin Abu Samah telah mencadangkan supaya lebih banyak unit pasukan latihan pegawai simpanan (PALAPES) diadakan di institut pengajian tinggi. Sebagaimana yang telah termaklum penubuhan PALAPES ini adalah dengan tujuan untuk memupuk semangat ketenteraan yang menitik-beratkan kepada daya pimpinan, disiplin dan taat setia serta memberikan pedoman pengetahuan ketenteraan

yang mana membolehkan pengajian ketenteraan diperkembangkan di sektor awam di masa akan datang selepas pegawai-pegawai muda ditauliahkan dan berkhidmat dalam kerjaya mereka.

Sesuai dengan hasrat Kerajaan untuk mempermodenkan angkatan tentera kita, terutama dalam perancangan memperbesarkan pasukan simpanan kita. Kerajaan mendapati bahawa Kegiatan ketenteraan iaitu PALAPES di pusat-pusat pengajian tinggi adalah memuaskan.

Buat masa ini terdapat pasukan-pasukan PALAPES di Universiti Kebangsaan, Universiti Pertanian Malaysia, Universiti Malaya, Institut Teknologi MARA Dan Universiti Sains Malaysia.

Cadangan untuk menubuhkan satu lagi penubuhan pasukan PALAPES di universiti utara di Alor Star adalah dalam perancangan untuk dilaksanakan.

Dalam usaha untuk menggalakkan lagi pelajar-pelajar di pusat pengajian tinggi melibatkan diri dalam bidang ketenteraan berbagai kegiatan dan galakan telah diadakan seperti mengadakan ceramah-ceramah daripada berbagai Kor kepada Kadet PALAPES, membuat lawatan ke pusat latihan tentera darat serta tawaran-tawaran untuk berkhidmat dalam angkatan tentera selepas ditauliahkan.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, jawapan-jawapan saya kepada beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator. Kepada pekar yang mungkin tidak disentuh dalam jawapan saya itu insya-Allah akan diberi perhatian oleh Kementerian saya.

**Timbalan Yang di-Pertua:**  
Kementerian Dalam Negeri dan  
Kementerian Pengangkutan.

3.55 ptg.

**Timbalan Menteri Pengangkutan**  
(Dato' Abu Hassan bin Haji Omar):

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan-pandangan dan teguran-teguran masing-masing terhadap isu dan masalah di bawah bidangkuasa Kementerian Dalam Negeri. Di antara perkara-perkara yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut adalah mengenai penerbitan dan filem serta hal-hal Polis.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar telah menyatakan bahawa terdapat iklan-iklan wanita separuh bogel dengan aksi yang menjolok mata dipaparkan oleh akhbar-akhbar tempatan dan akhbar-akhbar tempatan ini diluluskan oleh Kementerian Dalam Negeri. Beliau juga telah menyatakan bahawa filem-filem yang akan ditayangkan di halayak ramai telah diadakan preview dan penapisan yang dibuat tidak begitu memukaskan kerana terdapat beberapa buah filem di mana orang ramai membuat bantahan melalui akhbar-akhbar tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih di atas pandangan membina yang telah diberikan oleh Ahli Yang Berhormat itu terhadap corak penerbitan akhbar-akhbar dan majalah di negeri ini. Kementerian Dalam Negeri sentiasa mengambil perhatian yang berat dan serius terhadap sikap dan corak semua bentuk penerbitan sama ada yang dikeluarkan di dalam ataupun di luar negeri. Sungguhpun Kerajaan mengamalkan sikap liberal terhadap penerbitan di negeri ini tetapi Kerajaan tetap mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana penerbitan yang melanggar syarat-syarat yang dikenakan, iaitu pihak penerbitan tidak boleh menerbitkan sebarang bahan atau rencana yang memudaratkan ketenteraman awam, akhlak mulia atau keselamatan negara.

Di antara tindakan yang diambil oleh Kementerian Dalam Negeri terhadap mana-mana penerbit yang melanggar syarat-syarat yang dikenakan ialah dengan cara menasihati atau memberikan amaran kepada mereka supaya tidak menerbitkan sebarang rencana yang bertentangan dengan kehendak dan nilai masyarakat termasuklah rencana yang boleh menjejaskan akhlak mulia rakyat Malaysia. Kementerian Dalam Negeri berpuas hati dengan sikap positif yang ditunjukkan oleh penerbitan-penerbitan tempatan dalam perkara ini. Namun begitu, Kementerian Dalam Negeri akan sentiasa mengawasi keadaan ini supaya ia tidak menjadi wabak yang boleh menjejaskan akhlak mulia atau ketenteraman awam.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu juga telah menyentuh mengenai filem-filem wayang gambar yang tidak menyenangkan orang ramai. Untuk makluman Dewan yang mulia ini Kementerian Dalam Negeri sedang mengambil langkah-langkah yang sesuai bagi menjamin bahawa filem-filem wayang gambar yang ditayang untuk halayak ramai adalah sesuai dengan nilai dan keperibadian masyarakat majmuk Malaysia. Untuk mencapai matlamat ini Kementerian Dalam Negeri melalui Lembaga Penapis Filem menapis setiap filem wayang gambar keluaran syarikat-syarikat tempatan atau yang diimport dari luar negeri sebelum filem-filem itu ditayangkan untuk ditonton oleh orang ramai. Kementerian Dalam Negeri juga mengenakan syarat-syarat tapisan yang ketat terhadap setiap filem wayang gambar untuk tuntunan umum. Sehingga sekarang Kementerian Dalam Negeri berpuas hati dengan nilai dan prestasi tapisan oleh Lembaga Penapis Filem.

Walau bagaimanapun adalah tidak dinafikan kemungkinan terdapat babak-babak tertentu dalam sebuah filem wayang gambar yang agak tidak menyenangkan perasaan sebahagian kecil masyarakat yang menonton filem

tersebut. Perkara ini hanya berlaku secara terpencil ataupun dengan izin, isolated.

Saya mengambil peluang ini untuk menyeru kepada Ahli-ahli Yang Berhormat semoga sudi mengemukakan perkara ini kepada Kementerian Dalam Negeri bagi membolehkan tindakan sewajarnya diambil terhadap pengeluar-pengeluar filem-filem wayang gambar yang mengandungi adegan-adegan yang tidak begitu memuaskan kepada orang ramai demi menjaga maruah dan keperibadian rakyat dan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Haji Abdul Razak bin Abu Samah telah mengesyorkan supaya kadet-kadet polis di sekolah-sekolah dibesarkan dalam konteks keselamatan dan ketahanan negara. Di sini sukalah saya menyatakan bahawa atas kesedaran untuk meningkatkan disiplin serta menanam semangat dan etika polis di kalangan pelajar-pelajar di sekolah-sekolah, maka Polis Di Raja Malaysia sentiasa menggalakkan pelajar-pelajar mematuhi kadet polis tetapi disebabkan beberapa hal dengan adanya constraints yang wujud pada masa ini, kehendak-kehendak polis untuk memperbesarkan Pasukan Kadet Polis itu tidak dapat dilaksanakan.

Yang Berhormat Senator Fadzil Mahmood telah juga menyentuh mengenai kebajikan anggota-anggota polis. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat serta Dewan yang mulia ini sukalah saya menyatakan bahawa kebajikan anggota-anggota polis telah menjadi amalan Polis Di Raja Malaysia yang sentiasa mengambil perhatian yang berat terhadap anggota-anggotanya. Pasukan Polis Di Raja Malaysia sedar bahawa melalui kebajikanlah disiplin dan prestasi polis dapat dipelihara dan dipertahankan malahan dapat dipertingkatkan dari masa ke semasa supaya semangat dan, dengan izin, morale anggota-anggota Polis Di Raja Malaysia sentiasa berada di tahap yang tinggi.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, jawapan yang saya sampaikan bagi pihak Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri dan sekali lagi mengucapkan terima kasih di atas minat yang ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah saya perkatakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Menteri Pengangkutan, terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan atas Titah Ucapan Diraja yang telah juga menyentuh Kementerian Pengangkutan. Sokongan serta pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat itu menggambarkan betapa tingginya minat Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap Kementerian saya dan sudah pasti akan membantu kami di Kementerian serta jabatan-jabatan dan agensi-agensi di bawahnya untuk menjalankan tugas-tugas bagi mencapai objektif Kementerian untuk mewujudkan satu sistem pengangkutan yang cekap, ekonomik dan selamat.

Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Haji Latip bin Haji Dris iaitu mengenai pembaikan lapangan-lapangan terbang kecil di Sarawak, sukalah saya menjelaskan bahawa pada tahun 1983 jumlah asal yang diperuntukkan bagi pembaikan dan penyelenggaraan lapangan-lapangan terbang kecil di Sarawak ialah sebanyak \$250,000 pada keseluruhannya. Sungguhpun demikian oleh kerana langkah-langkah berjimat Kerajaan, arahan telah diperbuat supaya hanya kerja-kerja yang sangat penting sahaja diteruskan. Oleh itu perbelanjaan sebenar bagi pembaikan serta penyelenggaraan lapangan-lapangan terbang kecil di Sarawak pada tahun 1983 ialah sebanyak \$100,000 sahaja. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, jumlah yang diperuntukkan bagi tahun 1984 ialah sebanyak \$1 juta.

Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat

Senator Haji Ariffin bin Haji Salleh, sukalah saya memaklumkan bahawa Kementerian Pengangkutan memang mempunyai rancangan untuk meneruskan kerja pembaikan landasan keretapi dari Merapoh di Pahang hingga ke negeri Kelantan. Kerja-kerja pembaharuan landasan keretapi ini yang melibatkan mengganti landasan-landasan yang telah usang serta menukar 'sleeper-rail' adalah dilaksanakan secara berperingkat-peringkat disebabkan peruntukan yang telah diberi pada mulanya hanya untuk kerja-kerja sehingga Merapoh, Pahang sahaja. Namun begitu, sekarang ini peruntukan bagi projek pembaharuan landasan keretapi tersebut iaitu untuk meneruskan kerja-kerja pembaikan sehingga ke negeri Kelantan telah disediakan dan pihak Keretapi Tanah Melayu adalah bersedia untuk melaksanakan projek pembaharuan landasan keretapi sehingga ke negeri Kelantan.

Berkaitan dengan ulasan Yang Berhormat Senator Dato' G. Pasamanickam, sukalah saya menyatakan bahawa Kerajaan memang sentiasa mengkaji serta melaksanakan langkah-langkah yang praktikal dan berkesan untuk memperbaiki sistem pengangkutan awam, khususnya perkhidmatan-perkhidmatan bas berhenti-henti dan bas mini di Wilayah Persekutuan dan kawasan-kawasan sekitarnya. Bagi maksud membolehkan kakitangan-kakitangan Kerajaan dan orang-orang awam tiba ke tempat-tempat kerja dalam masa yang ditetapkan, beberapa perkhidmatan bas-bas khas telah di luluskan oleh Kerajaan. Perkhidmatan-perkhidmatan yang berkenaan yang telah mula menjalankan operasinya adanya seperti berikut, iaitu:-

1. Bagi kawasan Sentul, Kampung Chubadak dan Sentul Pasar — 3 buah
2. Taman Segambut, Segambut Dalam — 2 "
3. Selayang Baru — 1 "

4. Taman Lembah Keramat, Taman Keramat, Keramat Dalam - 6 "
5. Datuk Keramat - 1 "
6. Kampung Pandan - 3 "
7. Petaling Jaya melalui Taman Bangsar - 1 "
8. Jalan Gurney dan Jalan Tun Razak - 1 "
9. Kampung Baharu - 2 "
10. Petaling Jaya - 4 "

Jumlah sebanyak 24 bas-bas khas telah diadakan baru-baru ini. Di samping itu juga satu kajian telah disiapkan baru-baru ini oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia (MAMPU) di Jabatan Perdana Menteri untuk mengenal pasti masalah dan kerumitan yang dihadapi oleh kakitangan-kakitangan Kerajaan dari segi perkhidmatan pengangkutan awam ke pejabat dan untuk mencari alternatif penyelesaian bagi mengatasi kesulitan dan kerumitan yang dikenal pasti.

Suka saya menyatakan bahawa perakuan-perakuan daripada kajian ini telahpun dicadangkan oleh MAMPU untuk dilaksanakan oleh Kerajaan mulai pada bulan Mei tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja jawapan yang dapat saya sampaikan bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih di atas minat yang ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri Luar Negeri.

4.09 ptg.

**Menteri Luar Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kerana teguran-teguran dan juga apa yang disebutkan di dalam Dewan yang mulia ini berkenaan dengan perkara-perkara yang dipertanggungjawabkan kepada Wisma Putra.

Izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua, membawa dua tiga perkara yang saya rasa patut saya beri sedikit keterangan. Pertamanya, perkara yang sering dibangkitkan di sini ialah berhubung dengan Dasar Pandang ke Timur. Dasar ini telah wujud akibat kegagalan negara-negara Barat memahami betul-betul maksud Dasar Ekonomi Baru.

Umpamanya, di dalam Dasar Ekonomi Baru kita berkehendakkan pemindahan teknologi. Ini tidak difahami langsung oleh pihak swasta dari negara Barat.

Dasar ini diwujudkan kerana ramai daripada orang kita sendiri yang mengagung-agungkan perusahaan Barat seolah-olah dialah yang paling maju, yang paling kuat walaupun bukti sudah begitu banyak yang menunjukkan tentang kemerosotan perindustrian dari Barat kerana artik-artika perkerjanya. Dengan sebab inilah maka kita mengusahakan "Dasar Pandang ke Timur" supaya beralih pandangan orang kita dan pandangan dari orang Barat terhadap kita. Negara-negara yang berkenaan yang disasarkan oleh dasar kita adalah Jepun dan Korea. Maka dengan senangnya saya menyatakan di sini bahawa kedua-dua negara ini sangat menyambut baik dengan apa jua dasar kita ini kerana mereka berasakan mereka itu akan menjadi contoh, maka sebab itulah menjadi satu cabaran kepada mereka untuk menyahut dasar kita ini supaya bukan sahaja kita ini maju dan mencapai kemajuan tetapi mencapai kemajuan mengikut contoh dari mereka. Sebab itulah mereka bekerjasama dengan kita, terutama sekali dengan usaha-usaha untuk memindah teknologi dan juga melatih orang muda daripada negara kita, ratusan bilangannya, di dalam perindustrian mereka dengan maksud apabila balik ke Malaysia maka bolehlah mereka itu menjalankan semua tugas-tugas itu dengan cukup faham dan pandai berkenaan dengan teknologi mereka.

Akibat dari dasar ini maka ternampak pula satu kenyataan baru iaitu kalau dahulunya pihak swasta Barat tidak menghiraukan kita atau tidak mahu memahami Dasar Ekonomi Baru dan tidak mahu bekerjasama dari segi pemindahan teknologi, sekarang sudah nampak mereka itu berubah sikap dan banyak pula mendekati pihak swasta kita untuk bekerjasama dengan benar-benar dalam erti kata Dasar Ekonomi Baru. Ini adalah satu daripada akibat yang saya rasa positif yang kita terima dengan adanya dasar kita, iaitu Pandang ke Timur.

Satu lagi soal yang dibawa di Dewan yang mulia, ialah soal siapakah yang bertanggungjawab tentang pelajar-pelajar kita di luar negeri. Memang benar di masa-masa yang lepas yang dipertanggungjawabkan hanyalah Kedutaan-kedutaan kita. Ini membangkitkan satu kekeliruan sebab kurang penyelarannya kerana terlampau banyak ejensi-ejensi Kerajaan daripada Malaysia yang mengirimi penuntut-penuntut. LLN pun ada, MARA pun ada, begitu juga banyak ejensi-ejensi dan dipertanggungjawabkan kepada Kedutaan sehingga soal bayaran elain mereka dan soal menjaga sosial, keadaan hidup mereka, ini semua dipertanggungjawabkan ke sana dan kelam kabut sekali. Sebabnya kadang-kadang tidak dapat tahu di mana puncanya, kalau sekiranya mereka berkehendakkan wang dan sebagainya untuk membantu.

Baru-baru ini Kerajaan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Pusat di Jabatan Perdana Menteri di bawah seorang Menteri iaitu Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk menjaga hal ini dan mengkoordinasi, menyelaraskan bersama-sama dengan Kedutaan kita. Jadi ada satu tempat sahaja yang Kedutaan kita datang bertanya, melewati Wisma Putra dan Wisma Putra bertanyakan kepada Jawatankuasa Pusat ini. Kalau dahulu, Wisma Putra kenalah mencari anak ini, siapa yang bertanggungjawab. Sekarang nampaknya telah selesai dan

diharapkan dengan cara ini, dengan penyelarasan yang begini maka cara-cara kita menjaga anak-anak kita di luar negeri ini akan lebih selesa, lebih baik dan lebih diselaraskan. Di bawah Jawatankuasa itu tadi ada lagi beberapa Jawatankuasa kecil tetapi yang pentingnya ada sekarang satu tempat yang boleh ditumpukan oleh Kedutaan kita atau Wisma Putra supaya dapat jawapan-jawapan yang dikehendaki.

Menyambung soal yang dibangkit di dalam Dewan ini, satu daripadanya ialah soal berkenaan dengan Kampuchea dan pencerobohan Kampuchea terhadap wilayah Thailand. Pencerobohan ini adalah bukti satu lagi pencabulan yang serius yang dibuat oleh Vietnam terhadap sahabat kita negara Thailand dan kita sudahpun mengeluarkan beberapa kenyataan yang menunjukkan tidak senang hati kita kerana adanya perbuatan seperti itu. Perbuatan yang dilakukan oleh Vietnam ini adalah satu perkara yang saya rasa daripada hasil kegelapan pemikiran. Sebab Vietnam mencari musuh. Musuhnya ialah Kampuchea yang menentang Vietnam. Kalau setahun dahulu mereka ini menentang Vietnam secara menyorok dalam kem-kem orang pelarian, sekarang mereka sudah jauh masuk ke dalam. Tetapi bagi pihak Vietnam dia tidak nampak di mana musuh ini, hanya dia tahu dia kena ketuk sahaja. Seperti laporan dalam surat khabar semalam bila musuhnya sudah dekat dengan Pnom Penh, dan kampung-kampung di situ sudah diancam oleh pasukan-pasukan yang menentang Vietnam tetapi mereka tidak dapat serang kerana benda ini senyap lari dengan cara gerila. Dia hendak melepaskan marahnya dia serang kem-kem orang pelarian. Inilah yang sekarang terjadi iaitu yang dia attack orang Kampuchea itu adalah yang ada di kem-kem orang pelarian. Bila orang-orang ini lari mereka seberang ke sebelah Thailand untuk mencari keselamatan, diusir masuk ke Thailand dengan satu maksud iaitu menakutkan mereka supaya jangan

membantu resistance yang dibuat oleh askar-askar daripada CGDK.

Kita telah membawa perkara ini di mana-mana sahaja untuk menunjukkan bahawa perkara ini adalah sangat serius akibatnya kalau sekiranya dicabuli lagi sempadan Thailand iaitu satu negara yang merdeka yang bersahabat dengan kita dan ini sudah tentu akan membawa akibat yang buruk dan kita telah memberi tahu kepada Vietnam janganlah berbuat begitu. Hal dalam Kampuchea itu satu kisah. Dia hendak berperang dengan orang Kampuchea itu satu kisah, jangan sampai melangkah ke luar kepada Thailand. Kita mengatakan kepada mereka perkara ini mestilah dihentikan. Diharapkan perkara ini dapat dihentikan dan kita juga berusaha dengan seberapa daya usaha untuk mencari penyelesaian tanpa berperang, tanpa kekerasan iaitu kita berkehendakkan mereka menarik balik askar mereka daripada Kampuchea dan kita harap dapat diadakan satu pungutan suara ramai untuk menentukan siapa akan memerintah mereka tanpa ugutan, tanpa kekerasan. Itu sahaja yang kita kehendaki. Kita tidak marah kepada Vietnam, Vietnam ada di dalam negara Laos sekarang kerana dia masuk dalam negara Laos dengan cara teratur, mengikut cara-cara yang tertib, tetapi masuk ke dalam Kampuchea itu dengan melanggar, itu kita tidak dapat terima. Kita sudah beri tahu perkara ini bertalu-talu sambil mencari juga ikhtiar untuk mengatasi problem ini.

Satu lagi soal yang dibawa hari itu ialah berkenaan dengan helikopter Russia oleh Yang Berhormat Senator S. Kumaran. Dia mengatakan apa yang kita boleh buat. Saya rasa perkara ini telah dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan bahawa perkara ini berlaku di luar perairan dan ruang angkasa Malaysia.

Jadi, satu lagi sahaja perkara yang saya hendak bawa di sini, Tuan Yang di-Pertua, iaitu perkara Palestine. Ada satu perkembangan baru dalam dua tiga

hari ini yang sangat merungsingkan kita. Perkembangan ini ialah Badan Perundangan di Amerika Syarikat sedang membuat usul supaya pemerintah Amerika memindahkan Kedutaannya daripada Tel Aviv ke Baitulmukaddis. Ini satu perkara yang cukup buruk dan tidak bertanggungjawab sama sekali, kerana soal ini dibawa, bukan kerana benar-benar hendak memindahkan Kedutaan itu dengan bermaksud bahawa dengan pemindahan itu dengan sendirinya maka diiktiraf Jerusalem itu menjadi capital – kepala negara Israel. Itu sudah tentu akibatnya jauh dan buruk. Yang anihnya perkara ini dijalankan, dibuat kerana politik dalam negeri untuk mengembarrasskan Reagan.

Jadi, saya menyatakan di sini satu badan yang sepatutnya mewakili rakyat Amerika semestinya lebih bertanggungjawab dari itu, mestilah mereka memikirkan ini akan membawa satu akibat yang begitu buruk.

Tidakkah mereka faham bahawa darah sudah mengalir di Jerusalem, di Palestine? Maka di bawah perkara politik dalam negeri, di jadikan satu tumpuan, dijadikan satu modal untuk mengembarrasskan Reagan. Saya percaya Presiden Reagan dan Shultz tidak akan menerima usul itu. Saya percaya tidak akan menerima. Ini saya berani berkata di sini, saya percaya mereka tidak akan menerima dan kita berterima kasih kepada Presiden Reagan.

Tetapi yang menyedihkan mengapa satu badan yang mewakili rakyat Amerika Syarikat yang begitu besar dan penting sebagai satu negara yang menjadi kuasa yang besar tidak memikirkan dengan cara yang bertanggungjawab satu-satu perkara yang dibuat. Jadi diharapkan perkara ini terhenti begitu sahaja – bantut, dan kalau tidak maka saya menyatakan di sini reaction yang keras akan timbul daripada semua negara Islam bahkan dunia tidak akan menerima cara-cara begini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

4.22 *ptg*

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Oo Gin Sun):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih di atas pandangan dan syor yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Ibrahim bin Salleh semasa membahaskan Titah Ucapan di-Raja yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu telah meminta supaya Kementerian meningkatkan penempatan perindustrian ke kawasan luar bandar dan perhatian harus juga diberi kepada kawasan Raub yang pada masa ini hanya mempunyai industri ringan sahaja.

Saya ingin menjelaskan bahawa penyelerakan atau pengagihan projek-projek perindustrian ke kawasan luar bandar adalah satu ciri penting dalam dasar perindustrian di negara ini. Untuk mencapai matlamat ini Kerajaan menyediakan beberapa jenis galakan cukai seperti Taraf Perintis, Galakan Tempat Kedudukan, Galakan Menggunakan Buruh, Galakan Kredit Cukai Pelaburan untuk menggalakkan projek-projek perindustrian didirikan di kawasan kurang maju. Penekanan memang diberikan kepada kawasan-kawasan yang belum lagi atau hanya dapat menarik sebilangan kecil projek perindustrian seperti Raub di Pahang.

Usaha-usaha Kerajaan untuk menyelerakan industri-industri ke kawasan-kawasan kurang maju telah mencapai beberapa kejayaan seperti yang digambarkan daripada projek-projek yang telah diluluskan pada tahun-tahun yang lepas.

Dalam tempoh tahun 1971-1983 daripada 5,907 projek-projek yang telah diluluskan, sebanyak 3,020 atau 51.5% adalah di kawasan-kawasan kurang

maju. Projek-projek ini akan mewujudkan 384,862 peluang pekerjaan atau 60.1% daripada jumlah peluang pekerjaan dalam semua projek-projek yang diluluskan dan akan menyumbangkan pelaburan modal sebanyak \$19,093 juta atau 64.8% daripada jumlah pelaburan modal. Daripada jumlah ini 215 projek adalah ditempatkan di Pahang dengan 34,822 peluang pekerjaan dan \$1,608 juta jumlah pelaburan modal.

Sekianlah sahaja ulasan yang dapat saya berikan ke atas pandangan dan cadangan daripada Ahli Yang Berhormat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kementerian Kewangan.

4.26 *ptg*.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu, izinkan saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan-pandangan yang membina terhadap beberapa aspek-aspek kewangan dan ekonomi negara.

Sebelum saya menyentuh isu-isu yang berkenaan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin memberi sedikit gambaran mengenai prospek ekonomi negara kita pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan ekonomi antarabangsa sungguhpun ada menunjukkan kemajuan ke arah pemulihan, petunjuk-petunjuk ekonomi dunia memberi harapan yang baik bagi pertumbuhan ekonomi dalam tahun 1984.

Perkembangan positif ini memberi harapan yang cerah bagi kita di Malaysia ini dan adalah dijangka pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Sebenar akan bertambah pada kadar 6.7% dalam tahun 1984 ini. Anggaran baru ini adalah lebih baik sedikit dari

anggaran dalam tahun 1983 iaitu 5.8%. Oleh kerana perkembangan aktiviti ekonomi, inflasi juga dianggarkan naik sedikit kepada 5% dalam tahun 1984 dibandingkan dengan 3.7% bagi tahun 1983.

Dalam tahun 1983 akaun barangan dalam imbalan pembayaran telah menunjukkan lebih sebanyak \$1,631 juta berbanding dengan keadaan kurangan dalam dua tahun terdahulunya yang berjumlah \$1,228 juta. Keadaan positif ini adalah kerana kukuh pertumbuhan eksport kita yang meningkat sebanyak 15%, bernilai \$32,163 juta dan pengurangan perbelanjaan import yang meningkat hanya pada kadar 4.7%, bernilai \$30,532 juta berbanding dengan 8.1% dalam tahun 1982. Perkembangan ini akan berterusan dalam tahun 1984 ini dan walaupun import barangan dijangka akan bertambah dari 4.7% kepada 10% dalam tahun 1984, tetapi pendapatan dari eksport adalah dianggarkan akan bertambah sebanyak 16%. Ini akan menghasilkan lebih sebanyak \$3,700 juta dalam akaun barangan. Namun begitu, akaun perkhidmatan akan terus menunjukkan kurangan yang dianggar berjumlah \$9,500 juta dalam tahun 1984 ini. Dan ini adalah kerana pertumbuhan dalam aliran keluar pada pendapatan pelaburan. Walau bagaimanapun, pada keseluruhannya keadaan imbalan bayaran adalah dianggar akan menunjukkan lebih yang lebih kukuh buat pertama kalinya semenjak 1981.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, tidak banyak soalan berkenaan Kementerian Kewangan yang dibangkitkan di dalam Dewan ini. Izinkan saya memberi penjelasan kepada isu cukai pendapatan persendirian yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar. Ingin Saya nyatakan di sini bahawa Kementerian saya sedang mengkaji struktur cukai

pendapatan persendirian agar beban cukai tidaklah tertumpu ke atas golongan-golongan yang tertentu sahaja. Di samping itu Yang Berhormat Senator berkenaan ada menyatakan bahawa kadar pelepasan cukai pendapatan yang ada sekarang adalah yang paling rendah berbanding dengan negara-negara ASEAN yang lain. Saya khuatir kerana kenyataan ini tidak begitu betul kerana pelepasan cukai pendapatan persendirian yang terdapat di dalam negara ini adalah sebenarnya lebih tinggi berbanding dengan pelepasan yang terdapat di negara-negara ASEAN yang lain.

Untuk maklumat jumlah maksima pelepasan cukai yang boleh dituntut oleh seseorang pembayar cukai ialah sebanyak \$13,500 selain daripada rebate sebanyak \$60 untuk suami dan \$30 bagi seorang isteri. Bagi membayar cukai di peringkat bawah sekali rebate sebanyak \$90 adalah sama dengan potongan sebanyak \$1,500. Jadi, jika dicampurkan kesemua potongan-potongan cukai ini yang boleh dituntut oleh seseorang pembayar cukai itu, jumlahnya ialah \$15,000. Ini bermakna jika seseorang menikmati semua potongan-potongan cukai berkenaan seperti yang saya sebutkan tadi, ia tidak perlu membayar apa-apa cukai sekiranya pendapatannya tidak melebihi \$1,250 sebulan.

Tuan Yang di-Pertua, cabaran-cabaran yang kita hadapi sekarang iaitu mengukuhkan keadaan ekonomi negara melalui penambahan pengeluaran barangan eksport untuk mengambil kesempatan keadaan harga pasaran yang makin baik bagi menambah pendapatan negara di samping mengurangkan perbelanjaan import melalui pengurangan perbelanjaan sektor awam, merupakan satu pengujian keutuhan dan ketahanan ekonomi kita dan memerlukan kerjasama kita semua. Kerajaan telah menunjukkan kesanggupan menghadapi kenyataan dengan mengambil tindakan-tindakan kewangan dan fizikal bagi menentukan pertumbuhan ekonomi te-

rus dikukuhkan. Di samping itu adalah menjadi harapan Kerajaan agar sektor swasta menunaikan kewajipan mereka dalam tanggungjawabnya dengan berusaha menambah pengeluaran ekonomi negara dan meluaskan pasaran barangan utama negara kita demi kepentingan keseluruhannya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Pertanian.

4.35 ptg.

**Timbalan Menteri Pertanian (Dr. Goh Cheng Teik):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian terhadap Kementerian Pertanian. Semua buah fikiran dan pandangan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut akan diambil kira dalam pelaksanaan Dasar Pembangunan Pertanian di bawah Kementerian saya.

Saya tidak akan menyentuh satu persatu soalan-soalan yang dikemukakan, tetapi saya akan memberi penerangan secara amnya mengenai isu-isu yang telah disuarakan itu.

Saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Dasar Pertanian Negara yang telah diumumkan baru-baru ini adalah bertujuan untuk memaksimumkan pendapatan daripada pertanian melalui penggunaan sumber-sumber negara dengan cekap dan menggiatkan semula sumbangan sektor pertanian kepada pembangunan ekonomi negara keseluruhannya dengan menentukan matlamat-matlamatnya. Dasar Pertanian Negara digubal untuk kepentingan semua kaum yang terlibat dalam sektor pertanian.

DPN mengenalpastikan halangan-halangan yang terdapat di dalam sektor pertanian dan menggariskan strategi-strategi kasar untuk mengatasi halangan-halangan tersebut. DPN juga memberi

garis panduan mengenai pembangunan komoditi-komoditi tertentu.

Pada masa ini Kementerian saya sedang merangka strategi-strategi dan program-program untuk melaksanakan dasar ini. Program-program pembangunan yang akan dirangka akan memberi pertimbangan kepada program-program selaras dengan DPN dan memenuhi keperluan rakyat dan negara. Program-program pembangunan yang dirangka juga akan mengenalpasti kawasan-kawasan yang akan dibangunkan untuk sesuatu komoditi. Pelaksanaan DPN akan meliputi kerjasama di antara Kementerian Pertanian dan beberapa Kementerian dan ejensi lain bagi memastikan ianya dilaksanakan dengan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai usaha Kerajaan untuk menggalakkan perwujudan ladang-ladang besar dan estet-estet padi adalah dimaklumkan bahawa ianya merupakan strategi Kerajaan untuk mengatasi masalah saiz tanah yang tidak ekonomik. Di bawah strategi ini kebun-kebun kecil termasuk tanah-tanah sawah akan disatukan di bawah satu pengurusan bagi meningkatkan daya pengeluaran dan untuk mendapat keberkesanan yang lebih daripada penggunaan input pertanian dan penggunaan teknologi moden.

Sayogia dimaklumkan bagi penanaman padi di kawasan baru, strategi Kementerian ialah menggalakkan para petani mengusahakan saiz tanah yang lebih ekonomik. Sehubungan dengan usaha menguruskan kebun-kebun yang kecil di bawah satu pengurusan yang cekap, Kementerian saya juga sedang mempertingkatkan usaha-usaha memulihkan tanah sawah terbiar dengan pengurusan secara berkelompok. Pembangunan sawah terbiar secara berkelompok akan membolehkan penggunaan sumber pertanian secara optima dengan penggunaan jentera bagi mengatasi masalah kekurangan buruh dan

menyumbangkan kepada peningkatan pengeluaran.

Mengenai cadangan supaya skim insurans diadakan sebagai satu cara untuk membantu petani-petani dan nelayan-nelayan pada masa bencana seperti kemarau, banjir dan sebagainya, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian saya telahpun mengkaji mengenai perkara ini dan daripada kajian didapati bahawa skim ini tidak ekonomik dan tidak berdaya maju. Daripada pengalaman yang dialami oleh beberapa negara, seperti India, Korea, Bangladesh dan Sri Lanka juga menunjukkan yang skim tersebut telah menemui kegagalan.

Akhirnya saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat atas perhatian yang berat terhadap pembangunan sektor pertanian demi untuk meninggikan lagi taraf hidup dan pendapatan petani-petani dan nelayan-nelayan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Perusahaan Utama.

4.42 ptg.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Bujang bin Haji Ulis):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab serta mengulas mengenai perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sepanjang perbahasan Titah Ucapan Diraja di Dewan Yang Mulia ini mengenai Kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang cadangan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Nasir Manap untuk menubuhkan atau mengadakan satu tabung bagi menstabilkan harga minyak kelapa sawit dalam usaha menolong pekebun-pekebun kecil menghadapi keadaan turun naik harganya, pertimbangan yang teliti telah diberi dan langkah untuk melaksanakan cadangan ini adalah didapati sukar. Ini disebabkan oleh sektor minyak dan lemak dunia di mana minyak kelapa sawit turut

tergulung adalah merupakan satu-satunya sektor yang paling kompleks akibat dari persaingan yang melibatkan lebih dari 20 jenis minyak dan lemak di dunia ini, keadaan mereka yang boleh ditukar ganti di antara satu dengan lain dari segi penggunaan, terdapatnya perbezaan di dalam menjalan penawaran bagi bahan-bahan tersebut, keadaan penawaran, permintaan dan harga yang sentiasa turun naik bagi sektor ini serta masalah penyimpanan dan kemerosotan mutu bagi jenis-jenis minyak dan lemak itu. Di samping itu, cadangan ini juga tidak selaras dengan dasar Kerajaan yang mengamalkan perdagangan bebas dalam dagangan minyak kelapa sawit.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, usaha-usaha untuk memantapkan harga minyak kelapa sawit Malaysia adalah sentiasa dijalankan menerusi perluasan kemasukan bahan tersebut dipasaran-pasaran antarabangsa, peningkatan usaha-usaha pemasaran yang lebih menyeluruh dan lebih agresif dan pelaksanaan program penyelidikan dan kemajuan (R & D) yang berkesan. Dalam usaha membantu pekebun-pekebun kecil untuk mendapatkan harga yang berpatutan, khususnya di dalam memasarkan buah tandan basah kelapa sawit mereka, terutama sekali di masa pengeluaran buah tandan basah itu yang tinggi, langkah-langkah seperti berikut telah di ambil:

1. Pengeluaran risalah sawit oleh PORLA (Palm Oil Registration and Licensing Authority) untuk diedarkan kepada pekebun-pekebun kecil. Risalah sawit ini bertujuan memberi maklumat kepada pekebun-pekebun kecil mengenai kedudukan minyak kelapa sawit, khususnya dari segi harga pengeluaran pasaran dan sebagainya.
2. Penentuan dan penyebaran satu formula pengiraan harga buah tandan basah kelapa sawit oleh PORLA. Formula ini adalah amat

berguna bagi pekebun-pekebun kecil untuk membolehkan mereka membuat perkiraan yang lebih tepat dalam menentukan buah tandan basah kelapa sawit pada suatu masa.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang sama usaha-usaha penyelidikan dan kemajuan telahpun menghasilkan kemungkinan minyak kelapa sawit dijadikan bahan gantian diesel. Dengan penemuan ini, negara mempunyai pilihan untuk mengeluarkan diesel kelapa sawit sebagai satu langkah menstabilkan harga minyak kelapa sawit di masa hadapan. Pada asasnya pilihan ini merupakan satu mekanisma yang mengalihkan lebih bekalan minyak kelapa sawit di pasaran minyak dan lemak antarabangsa kepada pengeluaran diesel untuk mengelakkan kejatuhan harga minyak kelapa sawit akibat penawaran yang berlebihan. Penemuan mekanisma penstabilan harga bagi minyak kelapa sawit menerusi pembuatannya sebagai diesel di dalam keadaan di mana mekanisma-mekanisma yang serupa masih belum diwujudkan bagi kebanyakan minyak dan lemak yang lain, memberi kelebihan kepada minyak kelapa sawit di dalam meninggikan daya persaingan dan mendapatkan harga yang berpatutan. Mekanisma ini juga merupakan jaminan yang penuh bermanfaat kepada semua konstituen perusahaan kelapa sawit di negara ini, terutama sekali dari segi menjamin pendapatan yang berpatutan kepada pekebun-pekebun kecil.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan K. Kumaran berhubung dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu kekecohan yang berlaku di Bursa Komoditi Kuala Lumpur, perlu saya jelaskan iaitu perkara yang dihadapi oleh KLCE itu adalah juga dialami oleh lain-lain Bursa Komoditi di seluruh dunia. Walau bagaimanapun, perkara ini sepertimana Yang Berhormat sendiri sedar adalah satu perkara yang tidak diingini oleh

mana-mana pihak Bursa Komoditi jugapun dan memandangkan iaitu Bursa Komoditi kita berupa satu bursa yang masih muda, pihak Kementerian saya memandang berat terhadap perkara yang telah berlaku itu. Dengan kesedaran ini tindakan-tindakan yang tegas sedang diambil oleh pihak-pihak yang berkenaan, iaitu KLCE dan KLCCCH mengikut falsafah peraturan sendiri dan juga pihak Majlis Dagangan Komoditi bagi menyelesaikan masalah-masalah yang telah timbul itu serta untuk memperketatkan lagi peraturan-peraturan atau kaedah-kaedah di dalam Bursa Komoditi kita. Selain daripada itu, pihak Kementerian saya telah menubuhkan Tribunal Dagangan Komoditi mengikut lunas-lunas perundangan yang sedia ada di bawah Akta Dagangan Komoditi, 1980. Dengan terlaksananya tindakan-tindakan tersebut, saya yakin apa-apa prasangka terhadap Bursa Komoditi dapat dihapuskan dan keyakinan dikekalkan untuk mempertahankan keutuhan pasaran dan dengan demikian, imej Kuala Lumpur sebagai pusat dagangan komoditi akan dapat lagi diperbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mohon untuk menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah bangun berucap sepanjang perbahasan atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang mana terdapat perkara-perkara yang dibangkitkan telah menyentuh bidang kuasa Kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Ariffin Salleh telah menyentuh tentang masalah rakyat dan Negeri Kelantan yang ketinggalan dengan pembangunan dan kemudahan-kemudahan infrastruktur, jalan-jalan kampung luar bandar, bekalan air dan bekalan elektrik. Beliau

berharap Kementerian berkenaan akan dapat mengkaji perkara ini dan memberi keutamaan kepada rakyat dan Negeri Kelantan yang telah ketinggalan dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya jelaskan di sini bahawa peruntukan bagi jalan-jalan kampung luar bandar, bekalan air dan bekalan elektrik adalah diagih-agihkan dengan adil kepada semua negeri berpandukan kepada beberapa kriteria, iaitu:-

1. taraf infrastruktur yang wujud sekarang di negeri-negeri tersebut;
2. pencapaian pelaksanaannya pada tahun-tahun yang lepas; dan
3. bilangan penduduk-penduduk yang akan menerima manfaat daripada projek tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu adalah dimaklumkan bahawa semua negeri menerima peruntukan bagi projek-projek di atas dengan sehabis-habis adil yang boleh. Dengan itu adalah tidak wajar kenyataan bahawa Negeri Kelantan ketinggalan dengan pembangunan dan kemudahan-kemudahan infrastruktur kerana pada setiap tahun Negeri Kelantan menerima peruntukan yang wajar bagi negeri itu, begitu jugalah bagi negeri-negeri lain.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom Maasom telah menyentuh tentang pembangunan kemudahan-kemudahan asas dan menyeru agar Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar memperhebatkan semula rancangan pembangunan, khususnya di kawasan pedalaman dengan mengadakan kemudahan jalan, api dan air. Beliau menyarankan sudah 27 tahun merdeka banyak lagi kawasan pedalaman atau kampung-kampung yang tidak menikmati kemudahan tersebut.

Adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar sememangnya sentiasa berusaha mempergiatkan pelaksanaan memperbaiki kemudahan-kemudahan asas seperti jalan, api dan

air di kawasan luar bandar. Ini jelas dapat dilihat daripada penekanan kepada projek-projek berkenaan dalam perancangan 5 tahun projek-projek Kementerian ini. Walaupun Kementerian ini baru ditubuhkan semula dua tahun yang lalu namun telah menunjukkan tahap pencapaian pelaksanaan projek-projek yang boleh dibanggakan. Namun begitu Kementerian ini masih kurang berpuas hati dengan pencapaian tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan ekonomi negara yang tidak menggalakkan kebelakangan ini telah sedikit sebanyak menjejaskan matlamat asal pelaksanaan projek-projek yang ingin dicapai oleh Kementerian ini. Perkara ini jelas apabila dilihat daripada peruntukan tahunan yang diberikan kepada Kementerian ini adalah jauh berkurangan dari jumlah sebenar yang diminta.

Sebagai contoh bagi projek jalan kampung yang sepatutnya menerima \$608 juta tempoh Rancangan Malaysia Keempat (RME) tetapi sehingga kini hanya menerima \$240 juta sahaja. Kementerian ini sedar bahawa masih banyak lagi kampung-kampung yang perlu dibekalkan dengan kemudahan-kemudahan asas terutama sekali kawasan-kawasan pedalaman ataupun luar bandar. Memanglah menjadi cita-cita Kerajaan untuk memberikan segala kemudahan asas kepada semua kawasan luar bandar dan Kerajaan sememangnya sama-sama bersimpati dengan masalah-masalah yang timbul dari kekurangan kemudahan asas itu.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan hakikat ini, Kementerian ini sedang menyusun strategi-strategi dan program-program dalam usaha memperhebatkan pelaksanaan kemudahan-kemudahan asas itu tadi.

Antaranya di bawah kempen jalan, api, elektrik (JAL) Kementerian ini sedang berusaha mendapat maklumat-maklumat yang lengkap tentang keperluan kemudahan asas daripada

semua pihak. Ini adalah bertujuan untuk mengadakan satu perancangan yang menyeluruh. Insya Allah apabila maklumat ini diperolehi nanti dan keadaan kewangan negara mengizinkan maka program-program ini akan dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada perkara di atas Ahli Yang Berhormat berkenaan juga telah menyentuh tentang keadaan bangunan-bangunan gerai MARA khususnya di Banting yang berkeadaan seperti kata perpatah hidup segan, mati tak mahu, yang begitu jelas bangunan-bangunan yang tidak dilengkapi dengan kemudahan elektrik dan kemudahan para-para peniaga.

Kepada Ahli Yang Berhormat berkenaan ingin saya memaklumkan bahawa projek bangunan perniagaan yang dilaksanakan oleh MARA adalah terdiri dari kompleks, arkib, rumah kedai/bazar, gerai dan MARA tidak terlibat dalam projek pekan sehari. Semua projek ruang niaga MARA adalah dibekalkan kemudahan asas seperti bekalan elektrik dan air. Pada masa ini MARA tidak ada projek di Banting.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan juga iaitu mengenai dengan projek MRSM Kuala Langat yang telah terbengkalai sejak beberapa lama dahulu sedangkan peruntukan sebanyak \$9 juta telah diberikan oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya nyatakan disini bahawa MRSM Banting adalah salah satu daripada beberapa MRSM yang disenaraikan dalam Rancangan Malaysia Keempat. Peruntukan yang diluluskan dalam Rancangan Malaysia Keempat adalah sebanyak \$12.5 juta. Walau bagaimanapun, oleh kerana kedudukan kewangan di negara merosot dan peruntukan sebenar yang diberikan tidak mencukupi maka projek ini terpaksa ditangguhkan. Untuk

makluman Ahli Yang Berhormat dalam tahun 1984 tidak ada peruntukan yang diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun berucap menyentuh bidang kuasa Kementerian Perusahaan Utama dan juga Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, saya mohon sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kerana telah sudi bercakap menyentuh mengenai kedua-dua Kementerian yang telah saya jelaskan tadi. Insya Allah, apa-apa perkara yang disentuh yang tidak dapat dijelaskan pada masa ini masa akan datang akan cuba kami jelaskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

*4.55 ptg*

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin):** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat Senator yang telahpun menyentuh Kementerian saya.

Bagi menjawab permintaan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator Haji Latip bin Haji Dris dan Yang Berhormat Senator Jaafar bin Harun supaya Jabatan Telekom Malaysia mengadakan lebih banyak ibusawat di kawasan-kawasan luar bandar, sukacita memaklumkan bahawa Jabatan Telekom Malaysia sedang menambah lebih banyak lagi ibusawat bagi kawasan-kawasan seluruh Malaysia. Ibusawat yang terkecil yang boleh dibina adalah dalam lingkungan keupayaan di antara 400 hingga 500 talian. Oleh hal yang demikian, permintaan yang jauh berkekurangan dari bilangan tersebut dibekalkan melalui cara-cara lain seperti telefon awam dan bagi kawasan yang terpencil sekali melalui sistem dengan izin, multi access ataupun sistem atur yang menggunakan perhubungan radio dan sistem radio high frequency. Pada masa sekarang jumlah ibusawat di

seluruh Malaysia adalah sebanyak 449. Sebanyak 25 buah bangunan ibusawat sedang dalam pembinaan di seluruh Malaysia dan dijangka siap, insya Allah, pada awal tahun 1984 ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Haji Latip bin Haji Dris juga telah membangkitkan bahawa pengguna-pengguna telefon terpaksa membayar bil yang tinggi dan apabila berlaku sedikit kelewatan di dalam pembayaran maka talian berkenaan akan dipotong termasuklah talian Yang Berhormat sendiri.

Saya amat bersimpati dan sedar bahawa terdapat sebilangan pengguna-pengguna telefon yang tidak berpuas hati dengan bil-bil telefon yang diterima oleh mereka kerana terdapat jumlah yang dikenakan kepada bil tersebut dianggap tinggi dan oleh hal yang demikian bil itu dibayar lewat. Walau bagaimanapun, bilangan kes yang sedemikian amatlah kecil sekali berbanding dengan bilangan akaun pelanggan-pelanggan yang dikendalikan oleh Jabatan Telekom. Namun begitu Kementerian saya akan teruskan usaha bagi mengurangkan lagi dan akhirnya menghapuskan sama sekali masalah tersebut.

Pelanggan yang tidak berpuas hati dengan amaun yang dituntut untuk panggilan adalah dinasihatkan membuat aduan secara rasmi oleh sebab semua aduan rasmi adalah dikaji dengan penuh teliti oleh Jabatan Telekom.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bil-bil telefon pelanggan dikeluarkan sebulan sekali iaitu di dalam minggu kedua dalam bulan yang berikutnya dan bagi membolehkan sesuatu pembayaran yang dibuat di dalam sesuatu bulan dimasukkan ke dalam bil bulan berikutnya, pelanggan hendaklah membayar bil tersebut dalam tempoh 7 hari dari tarikh bil itu diterima. Oleh itu saya ingin mengambil peluang yang ada ini untuk merayu pelanggan-pelanggan telefon supaya menjelaskan bil-bil

telefon mereka kalau boleh di dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah sudi menyentuh Kementerian saya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Pelajaran.

*4.59 ptg*

**Dato' Mohamed Khalil Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara yang berkait dengan perkembangan pelajaran di negara ini semasa membahaskan Usul Menjunjung Kasih di atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Banyak perkara-perkara yang telah dibangkitkan ini yang menunjukkan Ahli-ahli Yang Berhormat sangat menumpukan mengenai bidang pelajaran. Saya tidak akan mengulas semua persoalan-persoalan yang dikemukakan kerana setengah-setengahnya telahpun dijawab semasa soalan-soalan mulut di Dewan yang mulia ini. Saya hanya akan memberi penjelasan di atas perkara-perkara yang memerlukan perhatian utama.

Ahli Yang Berhormat Senator Abdul Razak bin Haji Abu Samah telah membangkitkan perkara murid-murid dalam Kelas Kurikulum Baru Sekolah Rendah dan meminta supaya jangan terlalu ramai supaya ianya tidak menjadi masalah kepada guru-guru yang mengajar dan murid-murid untuk belajar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran memang sedar tentang masalah kelas-kelas termasuk kelas KBSR yang terpaksa menampung jumlah bilangan murid yang lebih besar yang secara tidak langsung mencetuskan masalah

kepada kelas-kelas KBSR yang wujud sekarang. Walau bagaimanapun, langkah-langkah untuk mengatasinya sentiasa difikir dan diambil tindakan. Umpamanya Kementerian saya sedang berusaha sedaya upaya untuk menambahkan lagi bilangan bilik-bilik darjah di sekolah-sekolah yang menghadapi masalah ini.

Bagi mempercepatkan proses pembinaan bilik darjah dan bangunan-bangunan sekolah, kita telah menggunakan kaedah pembinaan pasangsiap yang telah dilaksanakan di negeri Kedah dan Johor. Di samping itu untuk mengatasi masalah bilangan bilik darjah ini dan termasuklah masalah saiz kelas KBSR yang besar, Kementerian Pelajaran telah menyemak semula Pekeliling Pentadbiran 3/67 dan di antara perakuan-perakuan yang dibuat ialah menetapkan norma-norma baru bagi saiz kelas di semua sekolah rendah iaitu tidak melebihi daripada 35 orang bagi setiap kelas.

Pelaksanaan pekeliling baru ini tidak dapat dilaksanakan secara sekali gus. Tetapi sebaliknya terpaksa beransur-ansur kerana masalah kemelesetan ekonomi yang mengakibatkan banyak bilik-bilik darjah yang kita tidak dapat tambahkan. Saya yakin dengan langkah-langkah positif ini, masalah yang dibangkitkan ini akan dapat diatasi dengan secepat mungkin.

Kurikulum baru sekolah rendah KBSR jangan ditekankan kepada mata pelajaran sahaja tetapi tekanan juga kepada aspek agama, moral dan akhlak supaya anak-anak terdidik untuk menghormati ibu bapa dan seterusnya seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, adalah kurang tepat bagi mengatakan bahawa KBSR tidak menekankan aspek-aspek agama, moral dan akhlak.

Saya ingin menegaskan dalam Dewan yang mulia ini bahawa teras atau intipati falsafah KBSR ialah pendidikan yang serba seimbang yakni ditekankan perseimbangannya di antara

pendidikan akademik dan pendidikan rohaniah yang meliputi unsur-unsur agama, moral, budi dan akhlak sepertimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Di antara komponen-komponen yang terdapat dalam kurikulum baru ini ialah 3M iaitu menulis, membaca dan mengira dan termasuklah kemahiran bahasa, agama, moral dan etika, kemahiran manipulatif manusia dan persekitarannya, seni dan rekreasi dan kehidupan sihat, dengan izin, healthy living. Semuanya ini sudah cukup untuk membuktikan bahawa Kementerian Pelajaran memang mengutamakan pendidikan yang seimbang.

Mengenai soalan beliau selanjutnya yang ada kaitan dengan kerjasama ibu bapa dikehendaki dalam mendidik akhlak anak-anak, saya ingin menjelaskan ibu bapa memanglah sentiasa dikehendaki bersama-sama memberi kerjasama sepenuhnya dalam usaha memberi pendidikan yang sempurna kepada anak-anak mereka, terutamanya mengenai penerapan dan pendidikan akhlak dan budi pekerti yang baik. Usaha ini lazimnya disalurkan secara rasmi melalui Persatuan Ibu Bapa dan Guru-guru atau PIBG.

Kementerian Pelajaran baru-baru ini telah mengedarkan buku panduan khas untuk ibu bapa. Buku ini menghuraikan secara terperinci serta menetapkan garis panduan yang jelas bagaimana mereka boleh bekerjasama dengan lebih berkesan dalam hal ini.

Yang Berhormat Senator Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah juga telah membangkitkan mengenai perkara-perkara yang melibatkan unit counselling di sekolah dan pegawai counselling Kementerian Pelajaran supaya bagi pihak kita mengambil perhatian yang lebih. Pengwujudan unit counselling di sekolah-sekolah ini sebenarnya perlulah ditimbang dari segi keperluan keadaan semasa yang wujud dan adanya penawaran kakitangan yang terlatih dalam bidang

tersebut. Buat masa ini Kementerian Pelajaran belum merasakan begitu perlu diwujudkan sebuah unit counselling di sekolah-sekolah, tetapi memadai dengan peruntukan yang sedia ada iaitu dengan menugaskan seorang guru untuk mengendalikan keperluan murid yang berhubung dengan counselling.

Mengikut peruntukan yang ditetapkan oleh Pekeliling Pentadbiran baru, guru-guru counselling telah dikurangkan beban mengajar mereka supaya dapat meluangkan masa yang lebih serta menumpukan kepada kerja-kerja panduan dan counselling.

Mengenai perkara lanjutan pelajaran ke sekolah berasrama penuh yang banyak dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagaimana menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ibrahim Salleh mengenai kemasukan pelajar-pelajar ke sekolah berasrama penuh di mana ramai, mengikut Ahli Yang Berhormat, murid-murid luar bandar yang mendapat 5A, tetapi tidak dapat melanjutkan pelajaran ke sekolah berasrama penuh, sebenarnya Kementerian Pelajaran, saya ingin menjelaskan baru-baru ini memang mengubah sedikit kaedah pemilihan seperti yang telah saya jelaskan pada tengah hari tadi dalam rangka menjawab soalan-soalan mulut.

Dasar pengambilan ke sekolah-sekolah berasrama penuh telahpun ditetapkan oleh Kerajaan yang menegaskan bahawa keutamaan tertentu hendaklah diberikan kepada murid-murid dari kawasan luar bandar dan dari golongan sosio ekonomi yang rendah. Ini adalah untuk menjamin supaya dapat diberi kemudahan pembelajaran yang setanding dan seimbang kepada murid-murid dengan sekolah-sekolah yang besar di bandar. Keutamaan ini diberi sebab persekitaran pendidikan di luar bandar yang tidak menggalakkan pertumbuhan pembelajaran dan perkembangan potensi individu pelajar. Dengan itu

70% pengambilan di sekolah berasrama penuh memang hendaklah diperuntukkan kepada murid-murid luar bandar dari golongan berpendapatan rendah. Perubahan kaedah ini disebabkan bertambahnya bilangan pelajar yang mencapai kelulusan 5A dengan memerlukan satu kaedah pemilihan yang lebih rapi seperti yang kita telah laksanakan.

Yang Berhormat Senator Lim Sean Lean telah menyentuh perkara-perkara yang pertama mengenai kekurangan guru-guru di sekolah jenis kebangsaan. Dan ini mengikut Yang Berhormat, perlulah diatasi terutama dengan bertambahnya nisbah guru dan murid yang mengajar di kelas-kelas KBSR. Beliau seterusnya mengesyorkan supaya guru-guru sementara yang tidak terlatih ini diberi peluang mengikuti kursus semasa cuti sekolah secara bergilir-gilir.

Bagi menjawabkan perkara yang dibangkitkan inginlah saya jelaskan bahawa masalah kekurangan guru bukan sahaja berlaku di sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan sahaja, bahkan meliputi juga semua jenis sekolah-sekolah negara kita. Kekurangan yang dimaksudkan hanyalah melibatkan guru-guru terlatih. Namun begitu masalah ini dapat ditampung sama ada dengan menempatkan guru-guru sandaran atau guru-guru sementara tidak terlatih. Dengan terlaksananya rancangan KBSR pada tahun 1982, maka kadar nisbah kelas guru telah ditingkatkan iaitu dari yang asalnya satu kelas dengan 1.2 guru kepada yang baru satu kelas dengan 1.5 guru.

Keadaan inilah yang menyebabkan pertambahan bilangan guru-guru yang tidak terlatih di sekolah-sekolah rendah bagi memenuhi kekosongan yang wujud.

Pihak Kementerian saya sememangnya memberi peluang kepada guru-guru sementara yang tidak terlatih untuk mengikuti kursus perguruan, dengan syarat mereka mempunyai

cukup kriteria kemasukan untuk diterima mengikuti kursus sepenuh masa di maktab-maktab perguruan. Untuk memberi mereka peluang mengikuti kursus semasa cuti sekolah, pihak Kementerian Pelajaran juga telah merancangannya dan kursus semasa cuti selama 3 tahun ini adalah sedang difikirkan dari segi perancangan dan pengurusan dan ini hanya dilakukan apabila segalanya selesai kelak.

Mengenai perkara yang kedua yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat iaitu yang melibatkan pengajaran bahasa ibunda yang mana Ahli Yang Berhormat merujuk kepada keadaan yang lazimnya berlaku sekarang iaitu kelas-kelas bahasa ibunda hanya dapat dimulakan pada penggal kedua persekolahan dan perkara-perkara yang ada kaitan dengan masalah ini. Untuk memberi jawapan kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu mengenai pengajaran bahasa ibunda tadi, adalah tidak benar kelas-kelas bahasa ibunda hanya dapat dimulakan pada penggal kedua persekolahan. Kelas-kelas bahasa ibunda dimulakan pada awal tahun bagi sekolah-sekolah yang mengajarnya dalam jadual waktu sekolah. Ini merupakan 60% daripada jumlah kelas-kelas bahasa ibunda pada masa ini, yang selebihnya bergantung kepada permohonan daripada ibu bapa melalui sekolah dan seterusnya kepada Jabatan Pelajaran Negeri. Sekiranya permohonan dari ibu bapa dibuat lebih awal maka tidak terdapat masalah kelas-kelas bahasa ibunda dimulakan awal tahun.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat supaya murid-murid membuat permohonan pada tiap-tiap penghujung tahun sebelumnya, Kementerian Pelajaran akan menimbang cadangan itu. Walau bagaimanapun, dalam keadaan sekarang, terpujanglah kepada ibubapa murid untuk membuat permohonan seawal-awalnya yang boleh melalui saluran yang ditetapkan.

Mengenai saranan Ahli Yang Berhormat supaya kadar bayaran guru-guru mengajar bahasa ibunda dinaikkan, pada masa ini pihak Kementerian Pelajaran akan menimbang apabila sahaja keadaan ekonomi negara kembali pulih.

Mengenai perkara yang telah ditimbulkan oleh seorang Ahli Yang Berhormat dari Sarawak mengenai kelengkapan seperti kerusi, meja dan lain-lain, saya inginlah memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, Kementerian Pelajaran memang sedar tentang adanya kekurangan kemudahan-kemudahan di sekolah-sekolah di dalam kawasan luar bandar, khususnya di Sarawak dan di Sabah. Dalam hal ini Kementerian saya sedang dan telahpun mengesan sekolah-sekolah yang kekurangan kemudahan tersebut. Tindakan yang sewajarnya akan diambil bagi mengatasi masalah ini dari semasa ke semasa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat ROTU adalah dikelolakan oleh pihak universiti-universiti yang berkenaan dan Kedet Polis pula dikelolakan oleh Ketua Polis Negeri. Kedet Tentera sahaja yang dikelolakan oleh Bahagian Sekolah-sekolah Kementerian Pelajaran. Memanglah hasrat Kementerian Pelajaran untuk meluaskan Pasukan Kedet Tentera ke semua sekolah menengah tetapi keupayaan penubuhan unit baru Kedet Tentera bergantung kepada Kementerian Pertahanan yang bertanggungjawab memberi latihan dan membekalkan keperluan-keperluan logistik kepada unit-unit Kedet Tentera.

Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Maasom telah menyentuh mengenai pelajaran agama Islam termasuk di Sarawak khususnya. Saya ingin menjelaskan setelah Akta Pelajaran 1961 dipanjangkan ke Sabah dan Sarawak pada tahun 1976, Kementerian Pelajaran telah mengambil tindakan mengirim dan menempatkan guru-guru agama daripada Semenanjung ke sekolah-sekolah Kerajaan dan sekolah bantuan

Kerajaan seberapa banyak yang terdapat kita telah lakukan sehingga hari ini dan saya juga ingin menjelaskan sebanyak 132 orang guru agama sekolah menengah dan sebanyak 333 orang guru agama sekolah rendah. Sebahagian daripada guru-guru itu sebelum dikirim ke Sarawak adalah guru-guru terlatih. Setengahnya diberi latihan dalam masa cuti penggal semasa berkhidmat di Sarawak.

Selain daripada itu, Kementerian juga mengadakan di peringkat negeri dan peringkat bahagian untuk menyelia guru-guru agama dan pelajaran agama. Ini menunjukkan bukti Kerajaan memberi perhatian berat kepada pelajaran agama Islam di sekolah-sekolah di Sarawak, sama seperti yang kita berikan kepada pelajaran agama di Semenanjung Malaysia, bahkan di Sarawak pada masa yang lalu tidak mempunyai sekolah menengah agama tetapi Kementerian Pelajaran telah menubuhkan sebuah sekolah menengah kebangsaan agama untuk menyediakan bakal guru agama daripada rakyat Sarawak sendiri.

Ahli Yang Berhormat juga telah membangkitkan perkara mengenai pengiktirafan Sijil Empat Sanawi. Saya ingin menjelaskan Kementerian pelajaran mengiktiraf Sijil Empat Sanawi yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor sebagai kelayakan minima mengajar pelajaran agama di sekolah bantuan Kerajaan. Mereka yang mempunyai sijil ini sebelum Skim Haji Aziz diletakkan atas tanggaji Kategori C2 semasa pelaksanaan Gaji Aziz, sama taraf dengan guru agama lain-lain negeri yang mempunyai Sijil Empat Sanawi dalam negeri-negeri yang berkenaan. Oleh itu, tidaklah tepat dikatakan Kementerian Pelajaran tidak mengiktirafkan Sijil Empat Sanawi yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, mutu kelulusan Sijil Empat Sanawi daripada Negeri Selangor adalah dianggarkan lebih rendah sedikit daripada mutu kelulusan

Sijil Empat Sanawi daripada negeri yang lain, terutama dalam bidang pengajian bahasa Arab. Adapun sebab-sebab guru agama yang dilantik selepas pelaksanaan Gaji Aziz tidak disahkan dalam jawatan, bukanlah kerana Sijil Empat Sanawi, tetapi mungkin sebab-sebab yang lain seperti tidak mempunyai kelulusan Sijil SPM, tidak mempunyai latihan perguruan atau tidak mempunyai kelulusan Bahasa Malaysia dengan kepujian di peringkat SPM.

Yang Berhormat Senator Ibrahim Salleh pula telah merayu pengawasan disiplin yang lebih kepada pelajar-pelajar kita di dalam dan di luar negeri. Saya ingin mengulas di sini untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memanglah mengawal dan mengambil tindakan tegas terhadap pelajar-pelajar anjuran Kerajaan yang didapati melanggar disiplin dan syarat-syarat perjanjian. Sekiranya terdapat bukti-bukti yang cukup Kerajaan akan mengeluarkan surat-surat amaran dan lain-lain dan di mana disiplin melibatkan perkara yang serius sudah tentu tidak ragu-ragu menarik balik biasiswa, tuntutan menuntut gantirugi seperti yang dinyatakan dalam surat perjanjian akan juga dikenakan kepada pelajar-pelajar dan juga penjamin-penjaminnya dan ini merupakan antara langkah yang boleh diambil oleh Kerajaan.

Perkara yang melibatkan pelajar-pelajar kita di luar negeri banyak juga dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dan menyentuh kenyataan Yang Berhormat senator Ishak Abdul Rahim yang membangkitkan ada pelajar-pelajar merakamkan dan mengedarkan pita rakaman mencaci pemimpin-pemimpin dengan tujuan memecah belahkan perpaduan rakyat dan menentang Kerajaan, saya ingin menjelaskan setakat ini Kementerian Pelajaran belum lagi menerima aduan mengenai hal tersebut mengikut saluran tertentu. Saya percaya penuntut-penuntut yang dimaksudkan itu mungkin hanya merakamkan suara

mereka ketika membaca nota untuk persediaan menghadapi peperiksaan. Kemudian pita itu diedarkan kepada kawan-kawan yang sekelas atau satu kumpulan tutorial. Di dalam hal ini saya yakin penuntut-penuntut kita tidak mempunyai cukup masa untuk merakamkan dan mengedarkan pita-pita rakaman yang mencaci pemimpin-pemimpin yang mengakibatkan banyak pihak yang rugi.

Yang Berhormat Tuan Fadzil Mahmood pula membangkitkan iaitu terdapatnya Ahli-ahli Parti Pembangkang yang bertemu dengan pelajar-pelajar kita di luar negeri dan menghasut mereka supaya menentang Kerajaan. Beliau mencadangkan bahawa pegawai yang dihantar ke luar negeri mestilah berkaliiber dan boleh menjelaskan dasar-dasar dan kehendak-kehendak Kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua pegawai-pegawai kita yang dihantar ke luar negeri memang telah dipilih berdasarkan kepada kelayakan dan kemampuan mereka menjelaskan dasar-dasar Kerajaan. Mereka juga adalah pegawai-pegawai yang kita anggapkan mempunyai pengalaman dan kebolehan terutama dalam bidang counselling ataupun memberi bimbingan kepada pelajar-pelajar. Dan juga untuk menentukan bahawa mereka adalah benar-benar terdiri dari pegawai-pegawai yang berkaliiber sejajar dengan tugas-tugas yang perlu dipikul oleh pegawai-pegawai tadi. Di samping itu juga sebelum dihantar ke seberang laut, pegawai-pegawai juga telah diberi orientasi dan maklumat lengkap bagi memudahkan mereka melaksanakan tugas-tugas mereka kelak. Sewaktu berada di seberang laut mereka dibekalkan lagi dengan majalah-majalah, penerbitan-penerbitan dan bahan-bahan penerangan Kerajaan yang dihantar khas dari masa ke semasa supaya mereka juga dapat mengikuti segala perkembangan dan juga dasar-dasar Kerajaan dengan lebih mudah lagi.

Berkaitan dengan rancangan pembinaan Universiti Pertanian Malaysia cawangan Sarawak seperti yang telah dibangkitkan oleh seorang daripada Ahli Yang Berhormat, inginlah saya menyatakan sebenarnya soalan ini telah dijawab semasa pertanyaan mulut oleh Yang Berhormat Puan Hasnah Kassim pada 10hb April, 1984. Walau bagaimanapun, untuk makluman persediaan kerja-kerja tapak, ladang-ladang dan pembinaan infrastruktur mengenai cawangan universiti ini telahpun disiapkan. Akan tetapi pembangunan fizikal untuk kampus cawangan berkenaan telah ditangguhkan akibat daripada kedudukan peruntukan kewangan Kementerian Pelajaran yang terhad. Dengan itu Universiti Pertanian Malaysia cawangan Sarawak akan menetap di kampus sementara buat beberapa waktu.

Menyentuh perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator K. Kumaran yang telah menimbulkan masalah kekurangan semangat murid-murid sekolah telah disarankan hendaklah diberi asas kesukanan dan perpaduan untuk mengelakkan berlakunya perkara-perkara yang tidak diinginkan yang sering timbul di padang gelanggang permainan.

Bagi menjawab perkara ini sukalah saya katakan bahawa asas kesukanan terutama dari segi memupuk semangat kesukanan memang sentiasa ditekankan dalam sukatan pelajaran dan mata pelajaran pendidikan jasmani. Asas-asas ini diterapkan melalui semua kegiatan ko-kurikulum termasuklah sukan, permainan dan olahraga. Perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat ini mungkin benar dan ada berlaku tetapi insiden-insiden yang dimaksudkan itu bukanlah merupakan kejadian-kejadian yang berterusan dan serius. Di samping itu perkara ini juga melibatkan langkah dan kaedah pelaksanaan kerana sukatan pelajaran yang disediakan memerlukan penafsiran seterusnya serta mempraktikkan dalam pengajaran. Oleh itu, masalah yang di-

bangkitkan itu bukanlah saya anggap sebagai satu isu yang meluas dan menyeluruh kerana kegagalan itu adalah diperingkat pengajaran yang terdapat di mana-mana, samalah seperti kegagalan-kegagalan yang terdapat di dalam peperiksaan awam yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran. Namun begitu ingin saya jelaskan usaha-usaha positif sentiasa terus diberi perhatian oleh Kementerian saya lebih-lebih lagi berdasarkan Perakuan 175.1 Laporan jawatankuasa Kabinet mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah jawapan-jawapan yang dapat saya berikan kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, saya ingin juga menyakinkan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa perkara-perkara yang telah dibangkitkan sama ada telah mendapat jawapan atau tidak, semuanya telahpun saya mengambil catatan dan bagi pihak Kementerian memang sentiasa memberikan perhatian yang berat terhadap pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekian, terima kasih. kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

5.26 ptg

**Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Rais Yatim):** Tuan Yang di-Pertua, pertama-tama izinkan saya mengucapkan terima kasih dan melafazkan penghargaan di atas penglibatan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam membahaskan perkara-perkara yang bersabit dengan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

Tuan Yang di-Pertua, khususnya izinkan saya menyampaikan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Abdul Razak Abu Samah, Yang Berhormat Senator Haji Shaharom dan

beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang lain yang telah mengambil bahagian. Sukalah saya merumuskan berhubung dengan pandangan Yang Berhormat Senator Haji Shaharom Maasom yang mencadangkan supaya ditubuhkan sebuah Bank Pembangunan Tanah Terbiar untuk menyelesaikan masalah tanah pusaka yang terbiar. Untuk makluman Yang Berhormat, bank seperti ini adalah tidak difikirkan perlu untuk ditubuhkan buat masa ini kerana dalam persidangan Parlimen pada bulan Mac, 1984 ini, pindaan telahpun dibuat terhadap Seksyen 129, Kanun Tanah Negara di mana masa telah diberi kepada Pihakberkuasa serta peluang yang cukup serta Kerajaan negeri atau agensi-agensinya untuk memasuki sementara dan membangun tanah-tanah terbiar. Selepas tanah-tanah terbiar itu diperbaiki atau dimajukan, dalam tempoh tertentu bayaran akan ditetapkan oleh Pihak berkuasa Negeri dan tuan tanah seterusnya dikehendakki mengembali kos pembangunan kepada Pihakberkuasa Negeri atau kepada agensi atau atas apa-apa persetujuan yang dicapai antara pihak-pihak berkenaan.

Yang Berhormat Senator Abdul Razak Abu Samah telah menyentuh mengenai pembangunan wilayah yang mana masih pada pandangan beliau belum mencapai beberapa matlamat ke arah membasmi kemiskinan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Kemajuan Wilayah di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah merupakan sebahagian sahaja usaha untuk membaiki jurang perbezaan sosio-ekonomi antara negeri-negeri atau antara kumpulan-kumpulan rakyat didalam negara ini. Lembaga Kemajuan Tanah yang berkenaan seperti DARA di Pahang, KEJORA di Johor, KETENGAH di Trengganu dan beberapa LKW-LKW, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua yang lain sedang giat menjalankan tugas-tugas serta bidangtugas-bidangtugas yang telah

diperturunkan menerusi kuasa-kuasa undang-undang. Selain daripada itu FELDA, FELCRA, RISDA dan agensi-agensi pembangunan tanah yang lain juga adalah memainkan peranan penting dan besar.

Marilah kita lihat strategi-strategi yang telah digunakan oleh Kerajaan bagi mengembeling tenaga sekutu ke arah pencapaian matlamat-matlamat membasmi kemiskinan.

1. pembukaan tanah untuk pertanian
2. pusa-pusat pertumbuhan.
3. pembangunan perniagaan.
4. kemudahan-kemudahan sosial seperti sekolah, klinik, pejabat pos dan sebagainya.
5. menggalakkan industri-industri dengan menyediakan tapak-tapak perindustrian serta juga menggalakkan perusahaan-perusahaan kecil.

Strategi-strategi ini adalah bertujuan untuk membasmi kemiskinan dan juga untuk meningkatkan mutu hidup rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, perlu dinyatakan bahawa pencapaian fizikal Lembaga-lembaga kemajuan Wilayah yang berkenaan (LKW-LKW) adalah seperti berikut:

- (i) Menerusi Pembangunan Pertanian sejumlah 433,020 hektar tanah telah diusahakan dengan tanaman sawit, getah koko dan lain-lain.
- (ii) Penyediaan kemudahan-kemudahan semua bandar-bandar baru dan pusat-pusat penempatan menikmati bekalan elektrik dan air. Di samping itu, sejumlah 968 kilometer jalan-jalan telah dibina untuk menghubungi bandar-bandar atau pusat-pusat tempatan dengan pusat-pusat atau bandar-bandar besar.
- (iii) Perumahan atau ruang niaga. Setakat ini sejumlah 6,413 unit rumah kos rendah telah dibina dan kini diduduki oleh orang

ramai atau rakyat sekitar. Bagi ruang niaga pula sejumlah 230 unit kedai, gerai telah disediakan oleh LKW-LKW.

Rancangan pembangunan Lembaga Kemajuan Wilayah pada keseluruhannya telah berjaya mewujudkan 62,180 peluang pekerjaan, dari jumlah ini 47,741 atau 77% adalah dalam bidang pertanian dan 12,299 atau 20% adalah dalam bidang perniagaan, perindustrian, pembinaan dan yang lain adalah dalam bidang-bidang seperti pengurusan, pelancungan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, purata pendapatan pekerja-pekerja adalah antara \$400-\$600 sebulan. Dari segi pembangunan pertanian prestasi Lembaga Kemajuan Wilayah adalah baik tetapi dari segi pembangunan bandar atau pusat penempatan dan juga pembangunan commercial prestasinya adalah memerlukan peningkatan. Selanjutnya Yang Berhormat Senator juga telah menyentuh mengenai tanah terbiar yang beliau syorkan perlu diusahakan dalam konteks Dasar Pertanian Negara. Untuk makluman Yang Berhormat itu, dalam konteks Dasar Pertanian Negara objektif pembangunan tanah terbiar ialah untuk meningkatkan dan memaksimumkan pendapatan daripada pertanian. Kementerian melalui agensi-agensi seperti FELCRA dan RISDA telah merangka beberapa langkah yang boleh diambil untuk mencapai objektif tersebut termasuklah:

- (i) Mengusahakan melalui pertanian berkelompok untuk tujuan mewujudkan lot-lot yang ekonomik serta pengurusan dan gunatenaga yang efficient. Ini termasuk program penyatuan tanah baik dari segi fizikal mahu pun di peringkat pengurusan dan program pemulihan tanah yang termasuk penanaman semula tanaman-tanaman yang telah tidak produktif.
- (ii) Pemilihan jenis-jenis tanaman yang boleh meningkatkan lagi pendapatan petani-petani.

Setakat ini, Tuan Yang di-Pertua, FELCRA juga adalah membangunkan tanah terbiar melalui cara-cara seperti berikut:

Yakni pemilikan tanah secara pertanian koperatif, perladangan bersama jika kawasan tanah yang terlibat adalah luas dan sesuai diuruskan ala estet. Seterusnya pemulihan tanah secara lot demi lot juga dijalankan jika tanah ini terletak secara bertaburan.

Penyatuan tanah secara pengurusan juga diuruskan oleh FELCRA. Seterusnya lagi penyatuan Rancangan Pinggir dengan Kampung Tradisional adalah salah satu daripada program-program yang popular yang dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat ini akan diteruskan tertakluk kepada apa-apa arahan atau landasan di bawah Dasar Pertanian Negara. Seterusnya Pembangunan Setempat (in situ) ala-Kampung Teratak Batu ataupun di projek-projek yang serupa adalah dalam penyusunan untuk terus dijalankan.

FELCRA telah mengenal pasti 569,132 hektar tanah terbiar untuk dimajukan hingga tahun 1995. Tuan Yang di-Pertua, saya akui angka ini adalah satu angka yang amat besar dan tempoh yang diperlukan adalah panjang. Namun bak kata maxim yang popular 1000 langkah itu bermula dengan langkah yang pertama. Langkah yang pertama telah lama kita lajukan, cuma sekarang kita berada di peringkat pertengahan program tersebut.

Saya yakin dengan sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat dan dengan fahaman yang jelas terhadap Dasar Pertanian Negara itu maka kita akan bersama-sama dapat menjayakan program dari tanah, pembangunan tanah dan pembangunan Wilayah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Penerangan.

5.35 ptg.

**Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Chan Siang Sun):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan saya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara berkaitan dengan Kementerian Penerangan semasa membahaskan Usul Menjunjung Kasih di atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Suka saya menyampaikan jawapan saya berhubung dengan teguran yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar mengenai perubahan masa tayangan sesuatu rancangan. Rancangan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah rancangan Grammy Award yang sepatutnya ditunjukkan dalam tiga segmen iaitu segmen pertama ditayangkan pada hari Sabtu, 7hb April, menerusi Rangkaian Pertama jam 10.10 malam, segmen kedua pada hari Ahad 8hb April menerusi Rangkaian pertama juga jam 10.10 malam, dan segmen ketiga pada hari Isnin 9hb April jam 9.20 malam menerusi Rangkaian Kedua. Tetapi apabila segmen pertama ditayangkan RTM telah menerima beberapa teguran dan sungutan dari orang ramai pada babak-babak yang ditunjukkan dalam segmen itu kerana terlalu menjolok mata dan tidak sesuai untuk siaran.

Sebagai tindakan kepada reaksi orang ramai itu RTM menanggungkan siaran segmen kedua dan ketiga rancangan ini sehingga rancangan tersebut dapat dipratonton semula oleh Kementerian saya untuk memastikan bahawa tidak ada adegan-adegan yang tidak patut disiarkan. Ini membuktikan bahawa RTM adalah sensitif, selalu sensitif terhadap pendapat-pendapat orang ramai.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, rancangan tersebut akan ditayangkan pada penghujung minggu

ini dengan beberapa adegan yang tidak sesuai dipotong. Ini satu khabar baik untuk kita semua.

Berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat supaya gambar-gambar Indonesia termasuk gambar-gambar dokumenteri disiarkan kembali menerusi television pula, Kementerian saya akan mengambil perhatian terhadap cadangan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, baru-baru ini satu rombongan Pegawai Kanan RTM telah pergi ke Jakarta untuk bermesyuarat dengan pihak TV Republik Indonesia mengenai pertukaran rancangan seperti rancangan drama, hiburan dan dokumenteri antara RTM dan TV Republik Indonesia.

Tuan Yang di-Pertua, sama ada mutu rancangan Berita RTM kurang baik atau lebih baik apabila dibandingkan dengan Berita TV Arab Saudi adalah suatu perkara subjektif. Dari kesanbalas yang diperolehi pendapat umum adalah bahawa mutu siaran Berita RTM sekarang bertambah baik, dan RTM akan terus berusaha untuk meningkatkan mutu persembahan Berita dari masa ke semasa.

Ahli Yang Berhormat telah juga menyentuh mengenai Radio. Suka dinyatakan bahawa adalah tidak benar bahawa RTM tidak pedulikan Radio, malahan Radio merupakan media Kerajaan yang amat berpengaruh, terutama dikalangan masyarakat luar bandar. Tentang mutu penerimaan rancangan Radio pula adalah dimaklumkan bahawa suatu kajian kemungkinan khas telah diadakan dengan bantuan Japan International Cooperation Agency (JICA) dengan tujuan meningkatkan lagi prestasi liputan radio di seluruh negara ini menerusi siaran FM mono. Pelaksanaan projek ini akan dilakukan berperingkat-peringkat.

Mengenai perkara mutu siaran TV yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Tuan Haji Latip Dris, ingin

saya menjelaskan terlebih dahulu bahawa penerimaan pancaran TV di beberapa kawasan adalah tidak memuaskan kerana keadaan permukaan bumi yang tidak rata dan dengan demikian kawasan-kawasan ini terlindung dari pancaran TV.

Walau bagaimanapun suka saya mengatakan di sini bahawa Kementerian Penerangan telah mengambil tindakan untuk melaksanakan satu rancangan menyeluruh yang telah dijawab dalam masa soaljawab tadi, iaitu rancangan 'Mengisikan Liputan TV untuk Malaysia', dengan izin, 'Pocket Filling TV Coverage of Malaysia'. Rancangan ini melibatkan penubuhan 38 stesen-stesen pemancar di kawasan-kawasan di mana penerimaan pancaran TV tidak memuaskan. Rancangan ini akan dijalankan dalam 2 fasa. Fasa pertama melibatkan penubuhan 25 buah stesen pemancar di Semenanjung dan fasa kedua pula melibatkan penubuhan 8 stesen pemancar di Sarawak dan 5 stesen pemancar di Sabah. Saya yakin dengan siapnya rancangan ini nanti, penerimaan pancaran yang memuaskan akan sampai kepada sebahagian besar penduduk di Malaysia.

Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan cadangan-cadangan mereka dengan tujuan memperbaiki lagi siaran rancangan di TV, saya mengucapkan berbilang terima kasih.

Berkenaan dengan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat Tuan Ibrahim Salleh dan Tuan Fadzil Mahmood supaya Televisyen Malaysia memanjangkan siaran Laporan Parlimen yang kita sangat minati itu, saya ingin maklumkan bahawa dalam penjadualan rancangan-rancangan di TV, pihak RTM menghadapi beberapa desakan terutamanya masa siaran (air time). Walau bagaimanapun, Kementerian saya akan membuat pertimbangan atas cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut.

Cadangan Ahli Yang Berhormat

Tuan Ishak Abdul Rahman supaya diperbanyakkan peranan pelakon-pelakon bukan Melayu dalam rancangan 'Drama Minggu ini' juga akan dipertimbangkan.

Berkenaan dengan cadangan Ahli Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom Maasom mengenai pembaharuan persembahan rancangan-rancangan agama di TV, ingin saya memaklumkan Ahli Yang Berhormat bahawa rancangan seperti 'Sinar Islam' akan dibuat dalam bentuk persembahan al-majalah dan rancangan 'Seruan Jumaat' ditukarkan corak persembahannya supaya rancangan itu lebih menarik. Satu rancangan baru 'Sinar Zaman' akan disiarkan tidak lama lagi. Rancangan itu adalah mengenai tamadun Islam, insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahajalah saya dapat menyampaikan jawapan-jawapan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya memberi jaminan bahawa Kementerian saya akan mengkaji dan memberi perhatian yang sewajarnya terhadap syor-syor dan pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya sekali lagi menghulurkan ucapan terima kasih di atas pandangan-pandangan dan teguran-teguran terhadap Kementerian saya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

5.44 ptg.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom di atas teguran yang dibangkitkan semasa perbahasan ke atas Titah Ucapan Diraja di Dewan yang mulia ini.

Ahli Yang Berhormat telah memcadangkan supaya kes-kes pencemaran bau busuk dan bunyi bising dibawa ke mahkamah-mahkamah supaya de-

ngan cara itu persekitaran kita akan menjadi bersih dan seterusnya menjamin kehidupan dan kesihatan rakyat kita. Saya sedar bahawa ada beberapa kawasan yang tertentu di dalam negara kita di mana persekitarannya dicemari oleh bau busuk yang berpunca dari kilang-kilang seperti baja ikan, getah, kimia, makanan dan sebagainya. Pencemaran bau busuk tersebut adalah terhad kepada kawasan sekeliling kilang-kilang yang berkenaan.

Setakat ini, tidak terdapat undang-undang yang khusus bagi kawalan bau busuk oleh kerana tidak ada sistem sekatan bagi bau busuk atau alat-alat kelengkapan yang berkenaan. Soal bau busuk adalah satu perkara yang subjektif. Misalnya, bau keju tidak disukai oleh kebanyakan orang kita dan sebaliknya keharuman belacan tidak juga diterima oleh orang Barat. Walaupun tidak terdapat undang-undang khusus bagi kawalan bau busuk yang boleh digunakan oleh Kerajaan, individu-individu yang terjejas oleh pencemaran bau busuk berhak mengambil tindakan sivil di mahkamah untuk menuntut satu 'injunction' memberhentikan kacau gangguan dan pembayaran imbuhan atau 'damages'. Namun demikian, Kementerian saya melalui Jabatan Alam Sekitar telah membuat penyiasatan ke atas tiap-tiap aduan pencemaran bau busuk dan kilang-kilang berkenaan telah diberi arahan supaya memasang alat kawalan berkenaan atau menjalankan kegiatan-kegiatan perusahaan dengan lebih teratur dan bersih untuk mengelakkan bau busuk.

Berkenaan dengan masalah bunyi bising, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 mempunyai peruntukan-peruntukan am untuk mengawal pencemaran bunyi bising tetapi peraturan-peraturan khusus baginya belum digubalkan lagi. Namun demikian, Jabatan Alam Sekitar di bawah Kementerian saya telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Kebangsaan untuk mengkaji tentang

kursus galakan dan kemudahan. Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan turut memainkan peranannya dalam hal ini dengan mengambil langkah-langkah seperti berikut:

Mengkaji semula projek belia peladang supaya ia dapat memberi kesan yang lebih baik; memberi kesan yang lebih baik; memberi kursus dalam bidang pertanian dan ternakan di Pusat Latihan Belia Dusun Tua; menghantar belia untuk latihan di pusat-pusat Latihan Pertanian di seluruh negara yang dipunyai oleh agensi-agensi lain dan sedang berikhtiar untuk mengadakan Pusat Pertanian sendiri bagi membolehkan Kementerian ini melatih lebih ramai belia dalam bidang ini.

Mengenai penghijrahan belia ke luar negeri untuk mencari pekerjaan, ejensi-ejensi Kerajaan termasuklah Kementerian sentiasa berusaha memberi latihan kemahiran kepada belia dengan harapan mereka akan dapat pekerjaan yang lebih baik dan dengan itu akan terus bekerja di tanah air sendiri. Berkaitan dengan masalah kurang disiplin di kalangan belia, Kementerian dengan kerjasama Majlis Belia Malaysia sentiasa berusaha untuk meramaikan ahli-ahli persatuan yang sedia ada dan juga menubuh lebih banyak persatuan-persatuan yang baru. Dengan cara berpersatuan ini mereka dapat diberi bimbingan supaya berdisiplin dan baik.

Berkaitan dengan sukan pula, Yang Berhormat Senator Ishak Abdul Rahman telah menyentuh tentang mutu sukan negara pada masa ini. Suka saya menjelaskan bahawa mutu sukan dalam negara ini di peringkat kebangsaan adalah meningkat dan berkembang selaras dengan hasrat Malaysia cergas. Pencapaian mutu sukan negara di peringkat antarabangsa pula sememangnya tidak consistence dari aspek kalah menangnya. Dalam hal ini Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Majlis Sukan Negara dengan

kerjasama badan-badan sukan kebangsaan sedang mempertingkatkan cara-cara persediaan dan latihan para athlete ke arah pencapaian mutu yang lebih tinggi melalui pendekatan yang saintifik dan sistematik.

Berhubung dengan kemudahan-kemudahan sukan, Kementerian sedang berkerjasama dengan Majlis Sukan Negara, ejensi-ejensi Kerajaan yang lain, Kerajaan-kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, badan-badan sukan dan juga pihak swasta ke arah membangunkan kemudahan-kemudahan sukan dan rekreasi yang cukup dan lengkap di seluruh negara secara berperingkat-peringkat.

Yang Berhormat Senator K. Kumaran pula menyentuh tentang semangat kesukanan yang semakin menurun. Kementerian sedar semangat kesukanan dalam negara ini di kalangan pemimpin serta pemain-pemain dan penyokong-penyokong sukan adalah tidak menyenangkan berdasarkan kepada beberapa peristiwa kebelakangan ini yang membimbangkan.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah membuat teguran yang sama baru-baru ini. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengambil berat tentang perkara ini walaupun keadaan ini tidaklah teruk seperti apa yang berlaku di setengah-setengah negara asing. Jika sekiranya pihak-pihak yang terlibat dan bertanggungjawab di dalam sukan, terutama sekali pemimpin-pemimpin sukan, ahli-ahli sukan juga penyokong-penyokong serta ibu bapa-ibu bapa tidak memberi perhatian khusus dalam menanamkan nilai-nilai kesukanan dan sikap serta semangat kesukanan yang tulin sebagai nilai kebangsaan, maka trend yang ada sekarang jika terus dibiarkan akan bertentangan dengan usaha-usaha Kerajaan untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang berdisiplin.

Akhir sekali lagi saya mengucapkan terima kasih di atas pandangan dari Ahli-ahli Yang Berhormat semua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan usul atas nama Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar iaitu:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak seperti ini dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, mohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Keenam.”

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa suatu Ucapan yang tidak seperti ini dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, mohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Keenam.”

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1982 DAN 1983)

Bacaan Kali Yang Kedua

6.01 ptg.

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1982 dan 1983 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi dua anggaran tambahan iaitu Anggaran Perbelanjaan Mengurus (Tambahan) (Bil. 4) 1982 sebanyak \$8,170,000.00 dan Anggaran Belanja Mengurus (Tambahan) (Bil. 1) 1983 sebanyak \$2,735,371,562.00. Kedua-dua anggaran tambahan ini telah dibentangkan dalam Dewan Rakyat mengikut kehendak perkara 101 Perlembagaan Persekutuan dan Rang Undang-undang tersebut telahpun diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 22hb Mac, 1984.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya bercadang untuk mengemukakan Anggaran Belanja Mengurus (Tambahan) (Bil. 4) 1982.

Fasal 2 Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi perbelanjaan tambahan sebanyak \$8,170,000.00 bagi perkhidmatan tahun 1982 yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya dalam Anggaran Belanja Mengurus 1982 yang asal dan dalam Anggaran Belanja Mengurus (Tambahan) (Bil. 1), (Bil. 2) dan (Bil. 3) 1982.

Sebenarnya peruntukan tambahan dalam Anggaran Belanja Mengurus (Tambahan) (Bil. 4) 1982 adalah berjumlah \$8,223,800.00. Tetapi

sebanyak \$8,170,000.00 sahaja dipinta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini oleh kerana sebanyak \$53,800.00 adalah merupakan perbelanjaan tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan undang-undang yang tertentu.

Semua tambahan yang dikehendaki di bawah perbelanjaan bekalan iaitu sebanyak \$8,170,000.00 adalah diperlukan di bawah Maksud B.31 Kementerian Luar Negeri untuk membiayai perbelanjaan sewaan kapalterbang dan lain-lain kapalterbang bagi lawatan-lawatan rasmi keluar negeri di samping perbelanjaan sewaan bangunan pejabat dan tempat kediaman serta pembelian alat-alat kelengkapan bagi perwakilan-perwakilan Malaysia yang baru dibuka di beberapa buah negara.

Butir-butir dan keterangan-keterangan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Belanja Mengurus (Tambahan) (Bil.4) 1982 ini boleh didapati dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah No. 3 Tahun 1984 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah No. 4 Tahun 1984.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin mengemukakan pula Anggaran Belanja Mengurus (Tambahan) (Bil. 1) 1983.

Fasal 3 Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi perbelanjaan tambahan sebanyak \$2,735,371,562.00 bagi perkhidmatan tahun 1983 yang tidak diperuntukkan ataupun yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya dalam Anggaran Belanja Mengurus 1983 yang asal.

Sebenarnya peruntukan tambahan dalam Anggaran Belanja Mengurus (Tambahan) (Bil.1) 1983 adalah berjumlah \$2,785,702,612.00 tetapi sebanyak \$2,735,371,562.00 sahaja diminta diluluskan di bawah Fasal 3

Rang Undang-undang ini oleh kerana sebanyak \$50,331,050.00 adalah merupakan perbelanjaan tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan undang-undang tertentu.

Dari jumlah tambahan yang dikehendaki di bawah perbelanjaan bekalan sebanyak \$35,336,510.00 adalah untuk membiayai perbelanjaan emolumen dan bakinya sebanyak \$2,700,035,052.00 adalah untuk membiayai lain-lain perbelanjaan yang diperlukan oleh beberapa Kementerian dan Jabatan.

Tambahan terbesar berjumlah \$2,350,000.00 adalah dikehendaki di bawah Maksud B.31 peruntukan kepada Kumpulanwang Terkanun bagi membiayai dua kumpulanwang iaitu sebanyak \$2,250,000.00 adalah dikehendaki untuk dipindahkan kepada Kumpulanwang Pembangunan bagi membiayai projek-projek pembangunan Kerajaan dan bakinya sebanyak \$100,000.00 adalah dikehendaki untuk menambah peruntukan bagi kumpulanwang cadangan untuk negeri bagi menampung pemberian baru kepada negeri-negeri yang didasarkan kepada tahap pembangunan ekonomi, infrastruktur dan kesejahteraan hidup khususnya negeri-negeri yang tahap pembangunannya masih rendah supaya matlamat pembangunan negara yang seimbang dapat tercapai.

Di samping itu tambahan sebanyak \$272.6 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.30 Perkhidmatan Am Perbendaharaan. Dari jumlah tersebut sebanyak \$126.8 juta adalah untuk menampung kekurangan peruntukan bagi membiayai tuntutan-tuntutan bayaran subsidi petroleum yang diterima dalam tahun 1983.

Sebanyak \$100 juta adalah diperlukan untuk menambah peruntukan bagi Perkhidmatan Rahsia dan bakinya sebanyak \$45.8 juta adalah diperlukan untuk menambah peruntukan pinjaman kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk melaraskan baki pendahuluan Gaji

keperluan membuat peraturan-peraturan kawalan pencemaran bunyi bising dan merangka peraturan-peraturan yang diperlukan.

Jawatankuasa Kebangsaan ini meliputi wakil-wakil dari universiti-universiti dan beberapa agensi Kerajaan, iaitu Jabatan Kilang dan Jentera, Unit Perancang Lebuhraya, SPRIM, Jabatan Pengangkutan Jalan, Radio dan TV Malaysia, Polis Di Raja Malaysia, Jabatan Penerbangan Awam dan Jabatan Alam Sekitar. Jawatankuasa ini telah melantik 3 buah kumpulan kerja, iaitu Kumpulan Kerja bagi Bunyi Bising Kapal Terbang, Kumpulan Kerja bagi Bunyi Bising Perindustrian dan Kumpulan Kerja bagi Bunyi Bising Kenderaan. Untuk memudahkan tugas kumpulan-kumpulan kerja tersebut, beberapa kajian tentang bunyi bising telah dijalankan seperti berikut:

1. Kajian untuk mengukur paras bunyi bising yang berpunca dari kenderaan;
2. Kajian untuk mengukur paras bunyi bising di persekitaran kegiatan industri-industri;
3. Kajian untuk mengukur paras bunyi bising di persekitaran lapangan-lapangan terbang;
4. Kajian untuk menentukan reaksi penduduk-penduduk kepada pencemaran bunyi bising.

Laporan untuk kajian ini bagi mengukur paras bunyi bising yang berpunca dari kenderaan telahpun siap. Berdasarkan kepada laporan tersebut, Kumpulan Kerja bagi Bunyi Bising Kenderaan telah mengadakan perbincangan yang terperinci dan perakuan-perakuan tentang piawai-piawai tentang bunyi bising telah dikemukakan kepada Jawatankuasa Kebangsaan yang sedang mengkaji perakuan-perakuan itu.

Selain daripada itu, Kumpulan Kerja bagi Bunyi Bising Kapal Terbang telah menyediakan beberapa peta (noise

contour) yang boleh digunakan sebagai garis panduan dalam perancangan pembangunan tanah di sekitar lapangan terbang di seluruh Malaysia. Peta-peta tersebut akan dihantar kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk panduan dan rujukan setelah disemak.

Kumpulan Kerja bagi Bunyi Bising Industri pula telah menyediakan piawai-piawai awalan (preliminary) bagi paras bunyi bising dan piawai-piawai tersebut akan ditetapkan selepas laporan tentang kajian pengukuran paras bunyi bising industri telah siap.

Sebaik sahaja ketiga-tiga kumpulan kerja menyelesaikan perakuan-perakuan yang tertentu, langkah-langkah akan diambil untuk menggubal peraturan-peraturan khusus bagi kawalan bunyi bising. Walaupun pada masa ini tiada undang-undang khusus bagi kawalan bunyi bising yang boleh dikuatkuasakan oleh Kerajaan dan seperti saya sebutkan tadi, individu-individu yang terjejas oleh pencemaran bunyi bising berhak mengambil tindakan sivil di Mahkamah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jemput Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

*5.53 ptg.*

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datin Paduka Chow Poh Kheng):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat di atas pandangan mengenai bidang tugas Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Yang Berhormat Senator Ariffin Salleh menyentuh atas beberapa masalah belia. Kerajaan memang sedar tentang masalah keengganan belia-belia untuk bekerja dalam bidang pertanian. Dalam hal ini Kerajaan sentiasa berusaha menerusi berbagai agensi yang berkenaan untuk menggalakkan belia menceburkan diri dalam bidang pertanian dengan cara memberi mereka

Kabinet yang telah diberikan kepada negeri-negeri dalam tahun 1981.

Selain dari itu sebanyak \$34.9 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.37 – Polis Di-Raja Malaysia untuk membiayai emolumen dan lain-lain perbelanjaan mengurus. Sebanyak \$23.8 juta adalah dikehendaki bagi Maksud B.28 – Kementerian Luar Negeri untuk membiayai sebagai perbelanjaan mengurus bagi Kementerian tersebut. Sebanyak \$14.6 juta adalah untuk Maksud B.27 – Kementerian Pelajaran bagi membiayai emolumen dan lain-lain perbelanjaan mengurus bagi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia yang telah ditubuhkan dalam tahun 1983 dan sebanyak \$11.9 juta adalah untuk Maksud B.60 – Jabatan Perkhidmatan Pos bagi membiayai emolumen dan lain-lain perbelanjaan mengurus di bawah perkhidmatan dan bekalan.

Tuan Yang di-Pertua, yang lain-lainnya adalah merupakan tambahan-tambahan kecil berbagai perkhidmatan di bawah Maksud-maksud B.1, B.2, B.7, B.21, B.36, B.40, B.45, B.46, B.56, B.57 dan B.63. Butir-butir dan keterangan-keterangan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama 1983 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 Tahun 1984 dan dalam memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 6 Tahun 1984.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datin Paduka Chow Poh Kheng):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1982 dan 1983 dan

bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

6.15 ptg.

**Tuan Fadzil bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1982 dan 1983 bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, pada tiap-tiap tahun kita lihat boleh dikatakan sebahagian besar daripada Kementerian telah memohon peruntukan tambahan dan perkara ini mesti diluluskan dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Jadi dalam peruntukan tambahan ini mungkin ada dua sebab kepada Kementerian-kementerian yang berkenaan.

Satunya Kementerian itu adalah satu Kementerian-kementerian yang dedikasi, yang bekerja kuat dan mungkin satu sebab lagi ialah Kementerian itu mungkin Kementerian-kementerian yang boros. Itu dua sebab sahaja. Jadi dalam peruntukan tambahan ini saya rasa Kementerian-kementerian patut menggunakan wang yang diperuntukkan ini kepada perkara-perkara yang memberi faedah dan memberi manfaat kepada rakyat khususnya.

Saya suka menyentuh berkenaan Kementerian-kementerian dan di sini saya suka mengesyorkan supaya peruntukan tambahan ini patut dipergunakan kepada perkara-perkara yang menasabah dan yang menguntungkan masyarakat dan rakyat sepertimana yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Jadual Pertama, Seksyen 2, Maksud B.31 – Kementerian Luar Negeri. Dalam Kementerian Luar Negeri ini telah

dipohonkan sebanyak \$8,170,000 untuk digunakan, untuk memperbanyakkan dan membuka banyak lagi pejabat-pejabat di luar negeri demi untuk menjadikan negara kita ini terkenal di seluruh dunia. Dan saya syorkan supaya peruntukan yang begitu banyak dapat memberi faedah yang sebenar-benarnya.

Saya mengikuti beberapa tahun yang lepas banyak peruntukan-peruntukan yang dipohon untuk peruntukan tambahan bagi Kementerian Luar Negeri, tetapi masih lagi kedapatan yang negeri kita ini masih lagi diperkecil-kecilkan oleh negara-negara yang tertentu. Ini disebabkan oleh penerangan-penerangan ataupun kerjakerja yang dijalankan oleh wakil-wakil kita di luar negeri tidak begitu memuaskan dan mungkin tidak menjalankan tugas-tugas mereka itu dengan sebenar-benarnya. Masih lagi ada negara-negara dalam dunia ini menganggapkan yang kita ini masih duduk berumah di atas pokok dan rakyat di Malaysia ini masih lagi berbogel dan memakai baju dengan menggunakan daun dan sebagainya. Ini adalah disebabkan oleh Kementerian Luar Negeri ini ataupun Duta-duta, Diplomat-diplomat kita yang ada di negara-negara luar tidak dapat menjalankan tugas dengan sempurnanya. Dengan ini saya berharap dengan adanya peruntukan dan banyak pejabat-pejabat Kedutaan kita akan didirikan, akan dilaksanakan di luar-luar negeri maka negara kita mungkin tidak akan lagi dipermainkan-mainkan oleh negara-negara besar di dunia ini. Walau bagaimanapun, saya mengucapkan syabas kepada Kementerian Luar Negeri dalam masa yang singkat ini boleh dikatakan negara kita sudah terkenal di seluruh dunia, terutama sekali di negara-negara Arab yang mana menganggapkan negara kita ini adalah sebuah negara yang disanjung tinggi dan sebuah negara Islam yang mereka kagum melihat keadaan kita pemerintahan kita walaupun rakyat di negara kita ini terdiri dari berbilang kaum.

Saya ingin menyentuh juga berkenaan dengan Kementerian Pelajaran. Peruntukan yang dipohon ialah \$14,600,000. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran ini adalah bertanggungjawab kepada guru-guru. Baru-baru ini kita dengar guru-guru telah mendesak pihak Kementerian supaya gaji-gaji mereka itu dinaikkan, jadi entah bagaimana saya tidak tahu pihak yang tertentu telah berjanji iaitu kenaikan gaji itu akan dilaksanakan, mungkin kerana musim yang tertentu, maka sanggup pihak-pihak yang berkenaan mengakui bahawa gaji-gaji guru ini akan dinaikkan. Walaupun saya seorang bekas guru, saya memang tidak bersetuju, bukan kerana saya tidak jadi guru lagi – tidak. Oleh kerana kalau gaji guru sahaja dinaikkan, apa kata pula kakitangan-kakitangan daripada Jabatan-jabatan yang lain? Mungkin tidak adil, mungkin sesuatu pihak akan menuduh Kerajaan kita tidak adil, berat sebelah dan sebagainya.

Kalau kita hendak bandingkan dengan tugas-tugas mereka, semua kakitangan Kerajaan menjalankan tugas dengan baik, cuma ada segelintir satu, dua orang kakitangan Kerajaan yang tidak menjalankan tugas dengan baik tetapi kita tak boleh menyalahkan kerana setitik nila, rosak susu sebelanga. Walau bagaimanapun, kita terpaksa menegur walaupun ada seorang dua, segelintir pegawai Kerajaan yang menjalankan dakyah-dakyah memburukkan Kerajaan kerana dengan dua orang itu akan menjadi kuman dan akan merebakkan kepada pegawai-pegawai yang lain, sepertimana yang saya berucap dalam Dewan yang mulia ini pada hari semalam.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kenaikan gaji guru ini, saya tak tahulah mungkin dalam peruntukan ini akan dimasukkan sedikit, mungkin tidak, tetapi kalau untuk dimasukkan berkenaan dengan kenaikan gaji ini kalau tidak dinaikkan dengan satu skim

yang menyeluruh, bagi pihak Kementerian Pelajaran patut dibanyakkan kenaikan pangkat dalam kalangan guru itu sendiri. Misalnya patut Kementerian Pelajaran mewujudkan satu pangkat, iaitu Penyelia Petang, Penyelia Matapelajaran, Penyelia Kerjaya dan sebagainya, jadi tidak terlibat sangat dalam keseluruhannya, begitu juga kepada Jabatan-jabatan yang lain. Mungkin dengan keadaan yang begini saya rasa peruntukan untuk tambahkan gaji-gaji di atas wujudnya jawatan-jawatan baru itu tidak banyak melibatkan wang Kerajaan dan mungkin ini dapat memuaskan hati pegawai-pegawai Kerajaan, termasuklah guru dan sebagainya.

Di samping ini, saya suka juga menyeru kepada ahli-ahli politik kita, terutama Menteri-menteri dalam bulan empat dan bulan lima ini janganlah sangat membuat pengumuman, bahaya balik. Apabila mungkin habis bulan lima ini, 25 haribulan ini habis, selepas itu mungkin disenyapkan. Apabila disenyapkan, maka yang kena marah, yang kena dicaci oleh orang-orang luar bandar ataupun pegawai-pegawai Kerajaan ialah pemimpin-pemimpin di luar bandar, mengatakan pemimpin kamu bohong dan sebagainya. Jadi kalau hendak buat pengumuman itu buatlah berpatutan, jangan tersangat membuat, mungkin menjadi satu perkara yang diheboh-hebohkan. Ini berlaku berkenaan dengan kenaikan gaji guru ini, selepas itu tidak ada lagi yang saya rasa berlaku selepas itu.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya ingin menyarankan di sini mengenai dengan sekolah-sekolah rendah, iaitu peruntukan untuk sekolah-sekolah rendah. Sekarang ini kalau kita lihat sekolah-sekolah berasrama penuh berasa bangga guru-guru, terutama sekali Pengetua-pengetua Sekolah Berasrama Penuh apabila keluar sahaja keputusan peperiksaan, sama ada SRP, SPM dan sebagainya sekolah berasrama penuh dapat 100% kelulusan, banggalah sekolah

menengah. Tetapi kalau kita kaji betul-betul murid-murid yang pergi ke sekolah asrama penuh itu ialah asalnya daripada sekolah rendah, murid-murid yang mendapat 5A dan sebagainya. Di sini kadang-kadang terlupa pula masyarakat kita yang murid-murid ini datang daripada sekolah rendah. Apabila naik di atas, sekolah menengah yang dapat kepujian walhal guru-guru sekolah rendah inilah yang mendidikkan murid-murid ini hingga dapat masuk ke asrama penuh. Jadi kedua-dua ini patut jangan kita lupa. Kalau kita dapat kejayaan, yang di bawah ini kita mesti ingat sama. Jadi tak berapalah saya hendak kisahkan sangat dalam masalah ini, tetapi peruntukan-peruntukan di sekolah rendah itu patut diberi, terutama sekali peruntukan dalam alat-alat sains.

Kalau kita lihat di sekolah-sekolah rendah, peruntukan untuk membeli alat-alat sains cukup mengecewakan. Kita lihat alat-alat sains di sekolah-sekolah rendah tidak begitu memuaskan hinggalah alat-alat untuk murid-murid membuat percubaan tidak mencukupi. Ini disebabkan oleh kemelesetan ekonomi pada saat ini, tetapi bukan disebabkan itu sangat, beberapa tahun kebelakangan keadaan begitu juga, tambahan pulalah dengan kemelesetan ekonomi pada masa ini. Saya rasa pihak Kementerian patut memberi peruntukan yang lebih kepada matapelajaran ini kerana kita berharap pelajar-pelajar daripada luar bandar akan menjadi warganegara yang baik dalam segi sains dan teknologi. Inilah satu perkara yang patut Kementerian ambil perhatian dalam masalah ini kerana kita pupuk semangat daripada sekolah rendah lagi.

Satu lagi Kementerian patut juga mewujudkan satu matapelajaran, iaitu Matapelajaran Perdagangan di sekolah rendah kerana sekarang ini dalam sekolah menengah diwujudkan satu jurusan di sekolah menengah diadakan Sains Kemasyarakatan. Sains Kemasyarakatan ini mengandungi mata-

pelajaran Perdagangan (commercial). Apabila murid-murid itu pergi ke sekolah itu, Mata pelajaran Perdagangan ini adalah baru bagi mereka. Patut kita adakan asas Matapelajaran Perdagangan di sekolah rendah kerana perkara ini akan menjadikan penuntut itu hidup di masa depan dengan bahagia dengan adanya benda-benda itu untuk mata-pencarian mereka pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Kementerian Dalam Negeri, iaitu Maksud B.36. Kedah, Perlis dan Perak adalah negeri-negeri yang berhampiran dengan Thailand, jadi peruntukan patut diperuntukkan kepada perkara-perkara untuk mengadakan kawalan yang rapi di sempadan perbatasan antara negara kita yang bersempadan dengan Thailand. Saya suka mengesyorkan di sini supaya sekatan-sekatan jalan patut diadakan di perenggan Kedah, Perlis dan sebagainya. Saya biasa menyarankan perkara ini dalam Dewan yang mulia ini jalan-jalan antara Perlis dengan Thailand terlalu terbuka, jadi kalau kita perhati senang penyeludup-penyeludup masuk dan segala dadah-dadah yang dibawa masuk daripada Negeri Thai kebelakangan ini banyak yang sudah ditangkap oleh pihak-pihak tertentu dan ada satu, dua sahaja yang terlepas itu kita tak tahu.

Baru-baru ini kita lihat di Thailand telah dapat ditangkap dadah sebanyak 4 tan yang dibawa daripada negeri jiran di sebelah sana dan dibawa masuk ke negara Siam dan dadah-dadah itulah

akan diedarkan ke negara kita ini, mungkin ke negara-negara lain melalui Malaysia kita. Jadi terdedah sangat di Negeri Perlis, terutama sekali di Kuala Perlis, iaitu saya sebut satu jalan yang begitu terbuka sekali dan orang-orang Siam boleh masuk dengan bebas. Perkara ini patut diperuntukkan untuk mengadakan sekatan-sekatan, pusat-pusat Imigresen, Kastam dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh berkenaan dengan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. Peruntukan patut juga diberi untuk menyelenggarakan satu perkara yang penting yang akan saya sebutkan di sini berkenaan dengan penentuan perenggan antara Perlis, khasnya dengan Thailand, mungkin di Kedah dan juga Perak. Saya dapati masalah perenggan di Negeri Perlis dengan Thailand ini telah menjadi satu perkara yang mungkin akan menjadi satu perkara yang runcing. Perenggan di Negeri Perlis antara Siam ini kita lihat Siam sudah mula attack masuk ke perenggan Perlis. Kita lihat perenggan itu sudah tak sama, apabila mereka dirikan bangunan di sini, mereka corner sedikit - bengkok, jumpa pula bangunan dia simpang (corner) lagi. Jadi perenggan antara Perlis dengan Thailand sudah bengkok.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sekarang sehingga esok, jam 3.00 petang.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*